# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 24 | RABU 17HB JUN, 1981. | 1401 رابو 14 شعبان | PERCHUMA


DALAM SA-MINGGU

## Cheramah untok kaki-tangan Shell

SERIA.—Puan Patsy de Leon, dari Shell Manila, telah memberikan satu cheramah ringkas mengenai dengan taraf2 menjawab talipon dan perhatian, di-bilek persidangan Ibu Pejabat Shell sini.

Cheramah tersebut telah dihadhiri oleh beberapa orang kakitangan kerani rendah Shell. Sementara itu, Jabatan Hubongan2 Perdagangan dan Jabatan Keselamatan Shell telah selesai membuat dua buah filem mengenai keselamatan.

## J-kuasa Permainan Lalu-lintas

KUALA BELAIT. — Daerah Belait telah menubohkan Jawatankuasa Permainan Lalu-lintas Shell bagi 1981. Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss bin Pengiran Temenggong Sahibol Bandar Pengiran Haji Muhammad, telah di-lantek menjadi pengurusi-nya. Sementara Penolong Pegawai Daerah, Awang Kassim Haji Johan, sa-bagai Naib Pengerusi; Awang Ismail Apong sa-laku Setia Usaha dan Pengiran Tuah bin Pg. Haji Chuchu sa-laku timbalan-nya.

Ahli2 jawatankuasa termasok pegawai2 dari Anggota Polis Diraja, Jabatan Ugama, Bandaran, Jabatan Kerja Raya, Palang Merah dan Pengakap. Mewakili Shell dalam badan itu ia-lah Awg Mohd Shariff Haji Naweh dan Awg Ahmad Shahari.

## Perarakan Laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peserta2 yang ingin mengambil bahagian dalam Perarakan Laut, Pakaian Beragam, Perarakan tanglong bagi Daerah Brunei/Muara; sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan ke-35 tahun hendak-lah berhubong untok mendapatkan borang dan penerangan dari Pengurusi-nya, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Badar, Jabatan Perubatan dan Kesihatan atau Setia Usaha-nya, Pengiran Haji Momin bin Pengiran Damit, Pejabat Penchen2 Negara sini.

Peraduan tersebut di-jangka akan di-adakan pada 16hb. Ogos, 1981 akan datang. Ia-nya terbuka kapada jabatan2 Kerajaan, firma2, kampong2, persatuan2 belia dan kebajikan.

# DYMM BERANGKAT KA-UPACHARA PERBARISAN HARI KEPUTERAAN BAGINDA QUEEN

Oleh : JA'AFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Upachara Perbarisan Hari Keputeraan DYMM Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada pagi Sabtu lalu.

Keberangkatan Baginda ka-upachara tersebut kira2 8.00 pagi telah di-sambut dengan Hormat Diraja.

Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson telah membalas tabek hormat dan kemudian-nya memereksa perbarisan kehormatan.

Pasokan2 yang mengambil bahagian terdiri dari Battalion Kedua Pasokan Kedua King Edwards Own Gurkha Riffles, Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei serta Pasokan Panji2 Askar Melayu Diraja Brunei dan Pulis Diraja Brunei.

### PERTUBOHAN AWAM

Pesurohjaya Tinggi British itu juga telah memereksa perbarisan 10 buah pasokan pertubohan awam yang terdiri dari Pasokan2 Jabatan Laut, Kastam Diraja, Bomba, Imigeresen, Kadet Askar Melayu Diraja Brunei, Pertubohan Palang Merah, Pergerakan Pengakap, Pertubohan Pandu Puteri dan Boy's Brigade.

Sa-telah selesai memereksa perbarisan, bendera peribadi DYMM Paduka Seri Baginda Queen pun di-naikkan sa-bagai menandakan keberangkatan tiba Baginda ka-upachara tersebut dan di-ikuti dengan Hormat Diraja.

Sa-lepas itu, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi membachakan perutusan DYMM Paduka Seri Baginda Queen kapada seluroh komanwel.

Sa-baik2 sahaja beliau selesai membachakan perutusan tersebut, Pasokan2 yang mengambil bahagian pun melepaskan tembakan 'feu-de-joie' dan Pasokan Tembak Meriam Pulis Diraja Brunei memulakan tembakan meriam sa-banyak 21 das.

Sa-jurus sa-lepas itu tujoh buah helikopter dari Chawangan Udara Pasokan AMDB, melintas ruang udara pentas Diraja dengan melepaskan asap yang berwarna warni.

Upachara perbarisan pada pagi itu telah di-akhiri dengan tiga kali sorak untok Duli Yang Maha Mu-

Lihat muka 18



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei berangkat ka-upachara tersebut.

## Perasmian pameran seni-lukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengarah Perjawatan, Awg. Selamat bin Munap akan merasmikan pembukaan pameran seni-lukis dan pertukangan-tangan bagi sekolah2 rendah dan menengah sa-negeri pada hari Sabtu 20hb. Jun depan.

Pameran tersebut akan di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini mulai jam 8.30 pagi.

Sa-jumlah lebeh daripada 300 keping hasil2 kerja-tangan dan lukisan akan di-pamerkan.

Sa-orang juruchakap dari bahagian kesenian Jabatan Pelajaran memberitahu kapada Pelita Brunei bahawa pameran tersebut akan di-adakan sa-lama sa-minggu.



TUAN Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson memereksa barisan pasokan kawalan Askar Melayu Diraja Brunei.

## Brunei hantar pemerhati ka-sidang Menlu ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah memperkenankan adinda Baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah berangkat menghadhiri Persidangan Menteri2 Luar ASEAN yang di-adakan di-Manila.

Undangan kapada Brunei untok menghantar sa-orang pemerhati ka-persidangan itu di-buat oleh Presiden Filipina, Tuan Marcos yang menjadi tuan rumah persidangan ini yang bermula hari ini. Inilah pertama kali Brunei menghadhiri persidangan tersebut sa-bagai pemerhati.

### TURUT BERANGKAT

Keberangkatan Yang Teramat Mulia pada hari Ahad lepas itu, di-sertai oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah.

Turut juga mengiringi Yang Teramat Mulia termasok-lah Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Setia Usaha Sulit YTM, Awang Mohd Yusof bin Haji Abd Hamid serta dua orang pengiring dari Istana Darul Hana.

Berada di-Lapangan Terbang ketika keberangkatan Yang Teramat Mulia ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha, ahli2 kerabat Diraja serta pegawai2 Kanan Kerajaan.

## Majlis perpisahan

GADONG. — Satu majlis perpisahan bagi 160 orang guru2 pelateh yang telah menamatkan pengajian mereka di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah telah di-adakan di-sini pada malam Ahad 13hb. Jun yang lalu.

Majlis pada malam itu di-mulakan dengan uchapan2 dari wakil guru pelateh, Awg. Metussin bin Orang Kaya Sura Tuba, Timbalan Pengetua, Awang Sumadi bin Sukaimi dan Awang Maidin bin Haji Ahmad, sa-orang pegawai dari Jabatan Pelajaran. Achara2 pada malam itu di-serikan dengan persembahan2 tarian dan nyanyian.

## Manis-nya Iman

"KALAU-LAH saya di-bolehkan memerentahkan sa-seorang supaya sujud kapada sa-seorang yang lain, neschaya saya perentahkan si-isteri sujud kapada suami-nya." — HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Abu Hurairah.

**Pelita Brunei**
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

17HB JUN, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MEMBENTOK MASHARAKAT MELALUI PENDIDEKAN

*SA-KALI lagi pelajar2 seluroh negeri menyambut hari mereka ia-itu Hari Pelajar yang perasmian-nya telah di-lancharkan pada hari Ahad lepas oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Pengawal Kastam dan Eksais dengan thema tahun ini berbunyi "Mutu Pendidekan Sekarang Membentok Masharakat Akan Datang".*

*Dari thema ini sekurang2-nya kita dapat mengagak apa-kah chorak pendidekan yang sangat2 di-perlukan dalam keadaan sekarang ini dengan matalamat besar-nya ka-arah pembentokan masharakat akan datang itu. Skop thema ini ada-lah luas yang meliputi kapada sa-tiap aktibiti pendidekan yang sedang dan akan di-buat. Tanggong-jawab-nya juga begitu besar apabila ia akan di-jadikan sa-bagai satu penentuan apa-kah chorak atau bentok masharakat kita yang akan datang itu. Dalam pada itu bentok masharakat negatif yang mungkin ada pada masa akan datang itu tidak sa-mesti-nya di-anggap sa-bagai satu kegagalan mutu pendidekan sekarang, kerana hendak menjadikan masharakat pada keseluruhan-nya memileki sifat2 positif sama-ada dalam hal-ehwal berugama, berkebudayaan sopan-santun dan berbudi halus, hidup sa-bagai raayat yang berguna kapada bangsa dan negara ada-lah maseh banyak mempunyai kaitan2 yang lain yang di-luar dari tanggong-jawab pendidekan di-sekolah2 atau maktab2 dan institusi2 pendidekan yang lain2-nya.*

*Sunggoh pun asas pembentokan masharakat itu lebeh banyak di-ambil peranan oleh pusat2 pendidekan saperti sekolah2 dan maktab2, akan tetapi ia-nya maseh tidak boleh membentok sikap individu dari negatif kapada positif sa-chara menyeluroh sa-lagi lain2 sektor tidak dapat mendampingkan diri dan menyahut sa-penoh sedar terhadap chorak masharakat akan datang itu. Fungsi biasa pendidekan ia-lah untok menjadikan sa-tiap individu berpelajaran dan berilmu dan daripada ini ia boleh membentok diri serta berkembang menurut pengaroh2 keliling-nya. Keadaan ini tidak lagi terbiar begitu dan dasar2 pendidekan yang di-lancharkan chuba menarek perhatian dan merasakan bertanggong-jawab untok berperanan lebeh luas lagi demi untok mengujudkan satu bentok masharakat yang baik dalam semua segi ia-itu berpelajaran, patoh dan berguna kapada negara, bangsa dan ugama-nya.*

*Dari sini ternyata sudah-lah betapa murni-nya alam pendidekan yang kita lalui sekarang terutama dalam menyedari bentok masharakat yang di-perlukan yang sudah barang tentu baik dalam segala hal. Ia tidak lagi semata2 untok menjadikan masharakat berilmu, tetapi masharakat yang baik dalam semua segi. Tetapi maseh juga menjadi perkara biasa apabila berlaku kepinchangan2 dalam masharakat lalu dasar2 pendidekan negara di-persalahkan kerana tidak dapat membentok masharakat yang baik. Sektor2 lain yang juga ada kaitan dengan kepinchangan2 itu tidak di-persoalkan sa-char sunggoh2.*

*Kemerosotan moral yang semakin menjadi2 di-kalangan jenerasi baru dan setengah2-nya maseh menuntut bukan-lah merupakan kegagalan dasar pendidekan yang tetap dengan garis2 kemurnian-nya itu. Harus di-sedari bahawa pengaroh2 keliling yang tidak terkawal rapi, kegagalan ibu-bapa yang di-kalahkan oleh kehendak anak2 mereka, suasana bebas yang menjadi2 ada-lah faktor2 penting yang menumbohkan krisis moral itu. Sekarang ini sudah ada belia2 belasan tahun yang maseh mendudoki bangku sekolah telah di-hadapkan kemahkamah kerana melakukan jenayah2 berat dan banyak lagi kejadian2 yang di-lakukan oleh gulongan mereka itu. Didekan2 di-sekolah atau maktab2 untok mengelakkan perkara2 yang demikian itu di-berikan dengan sunggoh2 dan di-sana mereka ia-itu pelajar2 sudah lebeh dari mengetahui malah menyedari risiko yang bakal di-terima oleh penjenayah. Pengetahuan2 sivik dan pengetahuan2 keugamaan di-berikan sa-chara lebeh meluas bukan saja sa-chara theori malah sa-chara praktikal. Hal2 yang sa-umpama itu chukop di-sumbangkan oleh pusat2 pendidekan.*

*Maka itu, sa-takat mengenai dengan peranan yang di-lakukan oleh pusat2 pendidekan ada-lah memadai, tambahan pula aktibiti2 ka-arah itu berjalan terus dan di-sesuaikan dari waktu ka-waktu. Dan, hari ini, kita di-yakinkan lagi oleh thema Hari Pelajar tahun ini tentang niat yang begitu murni dan matalamat yang begitu besar yang di-selanggarakan oleh Jabatan Pelajaran dengan berani menggantongkan yang mutu pendidekan sekarang membentok masharakat akan datang. Keberanian ini harus di-sanjong tinggi dan di-ambil perhatian berat oleh seluroh lapisan masharakat negeri ini.*

# JAUHKAN SIKAP CHURIGA-MENCHURIGAI SA-SAMA ISLAM

**DARI uchapan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-Majlis Perasmian Membacha Al-Kor'an bagi Saudara2 Baharu yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan Pekan Bangar Temburong pada 31hb M**

**Kita boleh churiga kalau untok tanda kita waspada, tetapi bukan churiga kerana dorongan sentiment tertentu.**

SESUNGGOH-NYA, saperti yang saya fahami bahawa peraduan ini bagi pertama kali melibatkan penyertaan saudara2 baharu dalam Islam di-seluroh negeri. Maka dengan ada-nya peraduan ini, saya kira hampir rapus-lah sudah semua sektor masharakat Islam di-negeri ini di-dedahkan kapada membacha Al-Kor'an dengan bachaan yang baik. Serentak dengan itu tentu pula kita berharap dapat mengketarakan lagi komitmen atau penglibatan semua sektor itu, ia-itu kanak2 sekolah, belia2 dan orang2 dewasa terhadap suasana serta semangat berugama ia-itu dengan chara memperchayai sa-penoh-nya kebaikan berugama dan memelihara kemuliaan-nya. Sa-hubongan itu kita amat bershukor ka-hadharat Allah s.w.t. yang telah memperkenankan kita bernaong di-bawah kemuliaan ugama-Nya ia-itu ugama Islam. Sesunggoh-nya menjadi orang Islam dan sa-terus-nya mendapat perkenan Allah untok bernegerikan negeri Islam ada-lah sa-penoh-nya memberi kita tanggong-jawab, dan bukan sa-penoh-nya meletakkan kita pada suatu kedudokan istimewa.

### PENYERU KEBAIKAN

Sebab pada fahaman saya, Allah s.w.t. terang2 menghendaki supaya di-antara kita atau dari kalangan kita berperanan menjadi penyeru kapada kebaikan dan penchegah kemungkaran. Kebaikan tersebut saya perchaya tentu-lah kebaikan bagi kepentingan di-dunia dan di-akhirat, lalu kerana itu kemungkaran yang kita di-tuntut mengelakkan-nya itu tentu-lah apa2 jua yang memudharatkan atau berlawanan dengan kepentingan2 bagi kesejahteraan dunia serta akhirat. Dan saya yakin kepentingan tersebut bukan semata2 bagi umat Islam bahkan bagi semua perengkat dan lapisan manusia.

### AMAR MA'ARUF

Peranan atau tanggong-jawab yang sedemikian besar dalam gagasan atau konsep AMAR MA'ARUF dan NAHI MUNGKAR itu bukan-lah pikulan sa-orang dua atau beberapa orang, melainkan kalau kita berfaham dan mengajak orang lain turut sama berfaham bahawa gagasan tersebut sa-takat mengajak manusia kapada memperchayai 'aqidah Islam yakni menchegah daripada kesesatan dalam 'aqidah. Itu pun, saya yakin berkehendakkan bukan sahaja orang2 atau tenaga2 yang memang profeshen-nya dalam bidang tersebut malah juga orang2 Islam yang lain tanpa menilek kapada profeshen-nya.

Sebab itu-lah maka-nya pada achara malam ini — yang berkaitan langsong dengan penyebaran 'aqidah Islam — kita semua sama2 terlibat dan di-libatkan semata2 kerana kita ini orang2 Islam dan bukan kerana atau menilek kapada profeshen kita.

Maka dalam usaha menshi'arkan Islam, khusus-nya dalam langkah dan ikhtiar kita untok terus menerus meletakkan Islam pada kedudokan-nya yang wajar, kita berkehendakkan semua pehak saling bahu-membahu dan mengelakkan dari sebarang sikap churiga menchurigai. Kita boleh churiga kalau untok tanda kita waspada. Tetapi bukan-lah churiga kerana dorongan sentimen tertentu, apa lagi terhadap sa-sama Islam yang di-ketahui berhasrat menepati peranan-nya dalam gagasan AMAR MA'ARUF dan NAHI MUNGKAR itu.

Sa-kira-nya hakikat ini benar2 akan dapat di-sedari maka saya perchaya akan kurang-lah perselisehan faham di-antara umat Islam dan akan kuat-lah perpaduan kita serta akan sukar-lah musoh2 Islam menembusi kubu pertahanan umat Islam dalam memelihara dan menegakkan shi'ar Islam, khusus-nya di-negeri kita ini.

### SHI'AR ISLAM

Dalam hubongan saudara2 baharu ia-itu orang2 muallaf maka hendak-lah faham menshi'arkan Islam itu menjadi tanggong-jawab semua lapisan orang Islam akan sentiasa di-pupok dan di-suborkan kapada mereka. Mereka ada-lah sama saperti orang2 yang sedia berugama Islam ia-itu menjadi barisan pertahanan dan penegak shi'ar Islam di-negeri ini. Hendak-nya tidak akan berbangkit soal 'senority' berugama dalam hubongan tanggong-jawab atau peranan memperjuangkan Islam. Sama hal-nya juga tidak patut timbul soal siapa 'orang ugama' dan 'siapa yang bukan orang ugama' dalam mengketarakan gagasan atau konsep AMAR MA'ARUF dan NAHI MUNGKAR itu.

### KEBUDAYAAN

Sebab fahaman ada-nya sebarang classification di-antara orang Islam dalam berugama ia-itu mengamalkan ugama dan menshi'arkan-nya lebeh berupa ikut2an dari orang lain dalam konsep mereka terhadap ugama serta kebudayaan lain dari Islam. Jadi tidak munasabah sa-kira-nya kita membiarkan fahaman asing itu terus menerus mengalir dalam fikiran, sikap dan tindakan kita.

Demikian-lah hendak-nya, dan demikian itu-lah di-harapkan sempena achara pertandingan ini kita orang Islam semada yang baharu mahu pun yang sedia di-dalam ugama Allah ini akan sentiasa mendapat petunjok dan keredhaan Allah.



EMPAT orang ahli penal yang mengambil bahagian dalam majlis foram anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei pada hari Jumaat lalu. Mereka ia-lah (dari kiri) Awang Haji Salim bin Haji Besar, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad (pengerusi), Awang Metusin bin Omar dan Dayang Hajjah Zalina bte Haji Omar.

# SELARASKAN ACHARA HIBORAN DENGAN CHORAK KE-BRUNEIAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam menyambut perayaan kemerdekaan pada tahun 1983, jawatankuasa kerja bahagian hiboran/ persembahan kemerdekaan di-ingatkan supaya segala persembahan dan hiboran hendak-lah di-sesuaikan dan di-selaraskan dengan kebudayaan serta istiadat Brunei Darussalam.

Chorak dan bentok persembahan dan hiboran itu mesti-lah di-dasarkan kapada perkara2 yang tidak bertentangan dengan Islam dan unsor2 Ugama Islam.

Demikian telah di-tegaskan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar ketika beruchap di-majlis mashuarat pertama jawatankuasa kerja Bahagian hiboran/persembahan bagi menyambut kemerdekaan 1983 di-Dewan Kuliah Peringatan Churchill di-sini pada hari Khamis lepas.

"Seboleh2-nya di-chari sa-suatu yang tidak terkeluar dari keBruneian kita yang maseh banyak belum di-perkenalkan dan identiti bangsa kita Brunei adalah penting di-pupok dan di-pelihara dengan melalui chara2 pengenalan yang sesuai," ujar-nya.

Dato Paduka Haji Abdullah juga mengingatkan kapada jawatankuasa tersebut supaya mengambil langkah2 yang tertentu pada mengelakkan pembaziran samada dari aspek pembaziran2 kewangan, tenaga, kemudahan2 dan lain2 lagi dan langkah berjimat-chermat hendak-lah di-jadikan keutamaan.

"Semua yang di-sebutkan di-atas ada-lah merupakan asas yang mesti-lah di-jadikan pegangan oleh orang2 yang akan di-lantek menjadi jawatankuasa achara2 hiboran persembahan pada menyambut hari yang bersejarah itu," kata-nya dengan penoh harapan.

Terdahulu dalam uchapannya beliau merasa amat beruntong kerana telah sama2 di-libatkan dan di-amanahkan untok memikul satu tanggong-jawab bagi menyemarakkan suasana sambutan hari bersejarah itu nanti.

JUNJONG TINGGI TITAH DULI YANG MAHA MULIA

"Kita telah di-sandarkan tanggong-jawab bagi melaksanakan susunan achara2 hiboran/persembahan di-sepanjang perayaan itu nanti dan atas amanah yang di-pikulkan oleh jawatankuasa kerja bagi menyambut kemerdekaan Negeri Brunei 1983 itu dan atas keperchayaan bulat yang di-berikan kapada kita itu, ada-lah kita junjong sa-tinggi2-nya dengan penoh keikhlasan dan ketaatan dari apa jua yang di-perkenan dan di-titahkan oleh Kebawah DYMM," kata-nya.

Dan untok itu beliau menyeru jawatankuasa itu supaya akan mengusahakan saberapa daya yang ada tentang segala apa2 yang di-amanahkan kapada kita dalam menyambut perayaan kemerdekaan berkenaan.

Dato Paduka Haji Abdullah telah di-lantek selaku pengerusi dan Awang Haji Muhammad bin Haji Seruddin, Timbalan Yang Dipertua MBB di-lantek sa-bagai timbalan pengerusi.

Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Puasa bin Tudin di-lantek sa-bagai setia-usaha dan Awang Lim Eng Meng di-lantek selaku Bendahari.



DATO Paduka Haji Abdullah (kiri) dan Awang Haji Mohammad yang masing2 telah di-lantek sa-bagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi (gambar atas) sementara gambar bawah kelihatan sa-bahagian dari yang hadhir dalam mashuarat tersebut.



# Pemuda2 di-pelawa berkhidmat dengan Pasokan Pulis Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei mempelawa pemuda2 untok berkhidmat dengan pasokan tersebut sa-bagai anggota Pulis.

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sama ada yang maseh bujang atau sudah berkahwin dan berumor di-antara 18 hingga 28 tahun, berukoran 5 kaki 2 inchi tinggi dan sehat. Mereka mesti-lah lulus tidak kurang darjah enam Melayu atau Inggeris.

LATEHAN ASAS

Pemohon2 yang berjaya akan memulakan latehan asas sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis, Jalan Muara, pada akhir bulan Jun ini.

Semasa mengikuti latehan, mereka akan menerima gaji permulaan dan alaon sa-banyak $475.00 sa-bulan, dan akan menerima gaji dan alaon sa-banyak $580.00 sa-bulan sa-telah menamatkan latehan. Alaon tahunan sa-banyak 1½ bulan gaji akan di-bayar pada sa-tiap satahun perkhidmatan.

Rombongan pengambilan akan berada di-tempat2 yang telah di-tentukan untok menemu-duga pemuda2 yang berminat memasoki pasokan itu.

PENGAMBILAN

Rombongan akan berada di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin dan Selasa, 22hb. Jun, 23hb. Jun, dan 29hb. Jun, 1981 dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahhari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada hari Rabu, 24hb. Jun dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari, dan di-Balai Pulis Lamunin di-Daerah Tutong pada hari yang sama dari 2.00 hingga 4.00 petang.

Di-Daerah Belait, rombongan pengambilan akan berada di-Balai Pulis Kuala Belait pada hari Khamis, 25hb. Jun, dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari, dan di-Balai Pulis Seria dari jam 2.00 hingga 4.00 petang di-hari yang sama.

Rombongan pengambilan itu akan berada di-Balai Pulis Temburong bagi tujuan yang sama pada hari Sabtu, 27hb. Jun dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari, dan dari jam 1.00 hingga 3.00 petang.

# 265 buah persatuan di-daftar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jumlah persatuan yang berdaftar dengan kerajaan di-seluroh negeri hingga sa-takat ini (1981) ia-lah sa-banyak 265 buah persatuan.

Dari jumlah tersebut, sa-banyak 164 buah daripada-nya terdiri dari persatuan2 belia2 dan sa-lebeh-nya 101 buah terdiri dari kelab2 sokan dan hiboran di-mana 80 peratus daripada-nya ia-lah kelab2 bolasepak.

Demikian telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan ketika memberikan taklimat di-majlis taklimat anjoran Pejabat Penerangan di-sini baru2 ini.

PALING BANYAK

Daerah Brunei dan Muara, kata-nya ada-lah merupakan daerah yang paling banyak mempunyai persatuan2 ia-itu sa-jumlah 182, ini di-ikuti dengan Dearah Belait dengan 54 buah persatuan, Tutong 25 buah dan Temburong empat buah.

Kebanyakan daripada persatuan tersebut, tambah Yang Berhormat Pehin, hanya-lah bergiat dalam satu atau dua bidang sahaja ia-itu saperti dalam bidang sokan, kebudayaan, ekonomi atau sosial. Hanya sa-bilangan sahaja yang bergerak dalam semua bidang.

Kelemahan2 yang di-dapati dari persatuan2 yang kurang bergiat itu, kata-nya lagi, ada-lah di-sebabkan kemungkinan kurang-nya tenaga2 pemimpin dan kerjasama belia2 atau pun masharakat di-mana terletak-nya persatuan2 itu.

# Lebeh ramai anggota AMDB berkursus

BERAKAS.—Lebeh ramai lagi anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan berlepas ka-Republik Singapura bagi menghadhiri berbagai kursus di-sana.

Bertolak ka-republik tersebut pada 20hb Jun depan ia-lah 6341 Perajurit Yakob bin Selasa dan 6416 Perajurit Ahmad bin Amit dari Bengkel Pasokan, yang akan mengikuti kursus Vehicle Electrician Kelas II sa-lama kira2 empat bulan di-Sekolah SAF Ordnance, Kem Ayer Rajah III.

Juga turut berlepas dengan penerbangan yang sama ia-lah 4813 LKpl Abdul Hamid bin Dullah dan 5554 LKpl Medali bin Haji Yusof dari Skuadron Jurutera Pengempor. Mereka akan menjalani kursus Combat Engineer Pioneer Kelas II sa-lama lebeh kurang tiga minggu bertempat di-Jurutera Pengempor ke-30, Bukit Panjang Singapura.

Sementara itu, tiga orang akan berlepas ka-Singapura pada hari Jumaat ini, 19hb. Jun, untok menjalani kursus Bahasa Inggeris Teknikal di-Institiut Latehan Bahasa, RELC, bagi sa-lama enam minggu.

KURSUS DI-S'PURA

Mereka ia-lah 6345 Perajurit Razali bin Haji Taha, 6347 Perajurit Zaini bin Haji Kadir, dan 6353 Perajurit Khanafiah bin Haji Salleh. Ketiga2 mereka ada-lah dari Chawangan Udara, Perkhemahan Berakas.

Terdahulu dari itu tiga orang makenik telah bertolak ka-Singapura untok menjalani Kursus Makenik Kenderaan NCO Kelas 11 ia-lah 5727 LKpl Ak. Idris bin Pengiran Karim dan 5182 LKpl Jumat bin Akim dari Bengkel Pasokan serta 5785 Perajurit Ak. Ramlee bin Pengiran Kahar dari Battalion Kedua.

Kursus tersebut akan bermula pada 15hb. Jun ini dan akan berakhir pada 11hb. Ogos, 1981 di-Sekolah SAF Ordnance, Kem Ayer Rajah III.

Empat orang lagi telah berlepas pada hari yang sama untok menjalani kursus Makenik Kenderaan Kelas I sa-lama kira2 sa-bulan di-Sekolah SAF Ordnance, Singapura.

Mereka ia-lah 4626 LKpl Azahari bin Mohammad, 6228 Perajurit Rosli bin Tuah dan 6333 Perajurit Aziz bin Haji Japar dari Kompeni RHQ dan 6176 Perajurit Johari bin Suhaili dari Battalion Kedua.

KURSUS MAKENIK

Empat orang lagi anggota dari Bengkel Pasokan juga akan bertolak ka-Singapura pada 20hb. Jun depan, untok menghadhiri Kursus Asas Makenik Kenderaan di-Sekolah SAF Ordnance sa-lama lebeh kurang enam bulan.

Mereka ia-lah 6619 Perajurit Mustapha bin Abd. Wahab, 6566 Perajurit Ak. Hamzah bin Pengiran Matali, 6510 Perajurit Abd. Wahab bin Haji Ahmad dan 6512 Perajurit Ramlee bin Othman.

Kursus tersebut bermula 22hb Jun 1981.

Sementara itu, 4986 LKpl Tajuddin bin Haji Sulaiman dan 6377 Perajurit Mohammad bin Japar, kedua2-nya dari Battalion Pertama, juga akan turut berlepas pada hari yang sama bagi mengikuti kursus Asas Fotografi.

Kursus sa-lama sa-bulan itu akan bermula pada 22hb. Jun di-Air Photo Unit, Pengkalan Udara Tengah, Republik Singapura.

Manakala 6785 Pegawai Kadet Ak. Yura Dupa Khoadadad bin PSN Haji Md. Yussof dari Pusat Latehan kini sedang berada di-United Kingdom untok menghadhiri dua kursus yang berasingan, selama kira2 14 bulan.

Kursus yang pertama ia-lah Pre SMC (E) 29 yang telah bermula pada 8hb. Jun lalu di-Army School of Language, Pusat RAEC Beaconsfield, sementara kursus kedua SMC 29 akan bermula pada 4hb. Januari tahun depan di-Akademi Tentera Diraja, Sandhurst.



L/Cpl Ak Idris



Abd Wahab



Ak Yura Dupa



Ak Hamzah



Sld. Ahmad



Sld. Mustapha



Sld. Rosli



Sld. Ramlee

# Berkursus ka-M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang pegawai dan empat orang wadan penjara Brunei telah berlepas menuju Semenanjong Malaysia untok mengikuti satu kursus di-Pusat Latehan Pegawai Penjara Malaysia di-Taiping, Perak.

Pegawai2 itu ia-lah Awang Ahmad bin Dullah, Awang Mohammad bin Haji Awang Damit dan Awg Manan bin Hi. Abd Rahman, sementara Wadan pula ia-lah Awg. Zaini bin Idris, Awg. Nordin bin Abd Rahman, Awg Ramlee bin Md Yassin dan Alikhan bin Duraman.

Kursus bagi pegawai2 penjara sa-lama enam bulan sementara kursus bagi wadan akan mengambil masa sa-lama tiga bulan.



AWANG Haji Mashud bin Awang Haji Damit, johan qari antarabangsa dalam Musabaqah Membacha Al-Kor'an 1977 di-Kuala Lumpur. Kemenangan beliau itu mengharumkan nama Negeri Brunei dalam sejarah Pertandingan Membacha Al-Kor'an.

# SEJARAH RENGKAS PERADUAN MEMBACHA AL-KOR'AN

**Berkat usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, mutu bachaan Al-Kor'an semakin meningkat dari sa-tahun ka-setahun**

Oleh:
Jahri Latif
dan
Aisah Piee

MENURUT penyelidekan peraduan membacha Al-Kor'an ini di-adakan pertama kali-nya sa-lepas Perang Dunia Kedua kira2 dalam tahun 1948. Bagaimana pun pertandingan tersebut hanya bagi perengkat Daerah Brunei-Muara sahaja, dan hanya terbuka kapada daerah2 yang lain beberapa tahun kemudian-nya.

Peraduan kali pertama bagi Daerah Brunei-Muara itu di-adakan bertempat di-Masjid Kajang, Jalan Sultan, (di-tapak bangunan Pejabat Sukatan dan Timbangan sekarang ini) di-mana ia-nya di-selenggarakan oleh jawatankuasa masjid itu dan beberapa orang pegawai2 kerajaan yang lain. Dalam langkah pertama, peraduan itu hanya bagi peserta lelaki dewasa, dan hanya terbuka kapada perempuan dewasa dan kanak2 lelaki dan perempuan pada tahun2 berikut-nya.

## TIAP MUHARRAM

Tujuan peraduan yang di-adakan pada ketika itu ada-lah untok menyambut tahun baharu Islam dan di-adakan pada tiap2 10hb. Muharram.

Oleh kerana ramai yang memasoki peraduan Membacha Al-Kor'an dari sa-tahun ka-setahun, terutama sekali di-kawasan Daerah Brunei-Muara, maka pada tahun 1956, bilangan chalon2 yang ikut bertanding terpaksa di-hadkan. Dalam keadaan ini, tiap2 daerah hanya menghantar dua orang peserta, atau wakil yang terdiri dari johan dan naib johan dalam bahagian lelaki dewasa dan perempuan dewasa, dan dalam bahagian kanak2 lelaki dan perempuan. Sementara Daerah Brunei yang berganda ramai pendudok-nya, perlu menghantar enam orang pada tiap2 bahagian.

Tetapi pada tahun 1953, peraduan pada mula-nya di-tadbirkan oleh jawatankuasa Masjid Kajang telah di-ambil aleh pula oleh Persatuan Kesatuan Islam Brunei, untok membaikkan lagi susunan pentadbiran peraduan yang di-adakan pada tiap2 tahun itu. Peraduan di-bawah kelolaan Persatuan Kesatuan Islam Brunei ini berjalan hingga ka-tahun 1960.

## JEMPUTAN

Apabila Kerajaan Brunei menerima jemputan daripada Kerajaan Malaysia (Malaya pada masa itu) untok memasoki peraduan Membacha Al-Kor'an Al-Karim ka-perengkat antarabangsa yang di-adakan di-Kuala Lumpur pada tahun 1961, peraduan yang dulu-nya di-selenggarakan oleh Persatuan Kesatuan Islam Brunei sa-lama tujoh tahun itu dengan sendiri-nya beraleh tangan kapada kelolaan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. Dan, pada tahun itu juga Jabatan Hal Ehwal Ugama menganjorkan peraduan tersebut untok memileh johan dan naib johan bahagian qari bagi menunaikan jemputan itu.

## PERBEZAAN

Peraduan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu tidak banyak perbezaan dengan pertandingan yang dulunya di-kendalikan oleh Persatuan Kesatuan Islam Brunei. Tiap2 daerah di-kehendaki menghantar johan dan naib johan bahagian lelaki dan perempuan dewasa ka-perengkat negeri, kechuali Daerah Brunei-Muara, yang pada ketika itu telah di-satukan, tidak di-perlukan menghantar enam orang wakil tetapi menghantar empat orang wakil sahaja.

Pada tahun tersebut peraduan yang di-adakan pada tiap2 10hb. Muhharam itu terpaksa di-adakan pada awal bulan Ramadhan atau akhir bulan Sha'aban bagi mensesuaikan dengan jemputan negara tetangga ka-peraduan antarabangsa. Sa-bagai ganti-nya, jabatan Hal Ehwal Ugama telah menagator acharā2 khas sempena menyambut tahun baharu Islam.

Brunei mula menghantar dua orang wakil-nya ka-Musabaqah Al-Kor'an di-Kuala Lumpur pada tahun 1961, ketika mana mereka buat pertama kalinya memperlihatkan diri dan keberanian mereka bertanding dengan johan2 handalan antarabangsa, yang sa-tentu-nya mempunyai banyak pengalaman dan berkemahiran dalam bachaan Al-Kor'an.

## WAKIL PERTAMA

Wakil2 Brunei yang turut bertanding dengan wakil2 dari negeri jiran, saperti Malaya, Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, itu ia-lah johan dan naib johan lelaki Perengkat Kebangsaan tahun 1961, Awang Yusof bin Abd. Latif dan Awang Sabtu bin Ahmad, kedua-dua-nya dari Daerah Brunei. Musabaqah yang di-adakan di-Kuala Lumpur pada tahun 1961 itu telah di-sertai oleh 13 orang peserta, dan dari bilangan tersebut wakil dari Brunei hanya berjaya mendapat tempat yang ka-sembilan dan ka-sebelas.

## BAHAGIAN WANITA

Brunei mula menghantar wakil wanita-nya ka-peraduan Membacha Al-Kor'an di-Kuala Lumpur pada tahun 1965, apabila Kerajaan Malaysia mula mengadakan peraduan tersebut bagi bahagian Perempuan. Walau pun Kerajaan Malaysia pada ketika itu hanya berkehendakkan sa-orang wakil perempuan sahaja, tetapi Brunei telah menghantar dua orang wakil perempuan, yang terdiri dari johan dan naib johan, ia-itu sa-bagai pengganti sekira-nya ada sesuatu halangan.

## WAKIL WANITA

Wakil peserta Brunei yang pertama menyertai pertandingan perengkat antarabangsa itu terdiri daripada Dayang Aminah bte Siling, yang pada ketika itu mewakili Daerah Belait dalam peraduan perengkat negeri, sementara wakil lelaki ia-lah Awang Mohd. Hashim Al-Mashhud.

Pada tahun 1967, Brunei yang di-wakili oleh Awang Abd. Wahid bin Besar dan Awg. Murni bin Sanai telah mendapat tempat yang ka-lapan dan sembilan dalam peraduan perengkat antarabangsa di-Kuala Lumpur, di-mana sa-ramai 27 orang peserta lelaki telah mengambil bahagian, sementara wakil wanita, Dayang Siti Ara bte Haji Idris mendapat tempat ka-enam dari 10 orang peserta.

## MUTU BACHAAN

Mutu bachaan Al-Kor'an di-negeri kita semakin meningkat dari masa kasemasa berkat pimpinan guru2 Kor'an yang ada pada masa ini, dan berkat usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam menitekberatkan perkembangan Al-Kor'an. Sa-orang pembacha dan guru Kor'an yang terkemuka di-negeri kita sekarang ini ia-lah Awg Hj. Mashud bin Awg Hj. Damit, yang mana telah mewakili Brunei ka-Peraduan Membacha Al-Kor'an Perengkat Antarabangsa di-Kuala Lumpur. Dalam tahun 1973, Awg. Mashud telah berjaya mendudoki tempat ketiga dalam pertandingan tersebut, manakala dalam tahun 1977, beliau telah menjadi johan pertandingan, dengan mengalahkan peserta2 dari beberapa buah negeri.

Dalam bahagian perempuan pula, Dayang Hajjah Siti Ara berjaya mendapat tempat ketiga dalam bahagian perempuan di-tahun 1978, sementara Brunei berjaya pula meningkatkan kedudokan-nya pada tahun 1980, apabila sa-orang lagi peserta wanita kita, Dyg. Hajjah Masni bte Abd. Manaf, menyandang naib johan peraduan perengkat antarabangsa itu.

## TARAF PEMBACHAAN

Untok lebeh mendorong dan menggalakkan lagi perhatian umat Islam dalam mempelajari bachaan Al-Kor'an dengan kaedah bachaan yang lebeh baik dan sempurna hingga menchapai taraf pembachaan antarabangsa, maka dalam titah pengorniaan hadiah di-peraduan ini pada tahun 1964 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan (kini bergelar Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan) telah menitahkan: "Bahawa kerajaan Baginda dengan sukachita akan mengorniakan tambang untok menunaikan fardhu haji kapada johan qari sa-negeri Brunei mulai tahun 1965." Pengorniaan berkebajikan ini berjalan hingga sekarang.

## KEMAJUAN PESAT

Dan, sa-telah peraduan membacha Al-Kor'an berjalan hampir 33 tahun di-negeri ini, kita telah menchapai kemajuan pesat dalam bidang ini bukan sahaja di-lihat dari segi bertambah-nya kuantiti pembacha2 malah yang lebeh ketara ia-lah kita telah mempunyai qari dan qariah yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Kemajuan2 yang telah di-chapai itu berkat usaha gigih Jabatan Hal Ehwal Ugama menganjorkan dan menyelenggarakan kursus2 dan kelas2 membacha Al-Kor'an yang di-tubohkan di-merata2 tempat di-seluroh negeri ini. Kerana ada-lah menjadi sa-bahagian kewajipan kita di-negeri ini dalam menyedarkan umat Islam tentang penting-nya mempelajari Al-Kor'an untok melahirkan hafaz2 Al-Kor'an.

Menurut Timbalan Pengetua Hal Ehwal Ugama Awang Haji Yahya bin Hj Ibrahim, kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah pun memileh dua orang pegawai jabatan ini untok mengikuti kursus hafaz Al-Kor'an yang di-kelolakan oleh qari2 yang berpengalaman dan berkelibar. Mereka telah pun mengikuti kursus itu mulai awal tahun ini di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

## MAJLIS QURA

Terdahulu dari itu, kata Awang Haji Yahya, pehak jabatan-nya telah pun menubohkan satu majlis QURA beberapa tahun yang lalu. Majlis QURA ini, menurut-nya, bertanggong-jawab mengasoh qari2 dan qariah2 yang berbakat, di-mana ahli2-nya terdiri daripada johan2 dan naib2 johan musabaqah perengkat negeri.

Di-samping itu, kita di-negeri in kata-nya, maseh lagi menanggong satu kewajipan yang belum terlaksana. Kewajipan itu, terang-nya ia-lah melahirkan orang2 yang benar2 dapat di-anggap qari dan qariah yang di-sebut sa-bagai ahli2 kira'at.

### Latar-belakang peserta2 peraduan membacha Al-Kor'an

# DAPATKAH MURID MENGALAHKAN GURU?

**Oleh: Jahri Latif dan Aisah Piee**



Haji Md Yusof



Awang Wasli



Awang Haji Damit



Awang Daud



Awang Nordin



Dayang Zainab



Dayang Hajjah Siti Ara



Dk. Salbiah



Dk Sa'adiah

PERADUAN Membacha Al-Kor'an peringkat dewasa yang akan berlangsong dua malam berturut2 pada 23hb dan 24hb Jun ini di-sifatkan dapat di-tinjau dari beberapa segi. Pertama, munchul-nya pendatang baru terutama dalam bahagian qariah yang di-anggap mempunyai bakat yang tersendiri walau pun masih dalam usia yang muda.

MURID DGN. GURU

Kedua, pertandingan antara anak murid dengan guru-nya sendiri. Tetapi kejadian ini bukan perkara baru kerana pada tahun 1978 perkara ini pernah berlaku, di-mana anak murid telah menjadi johan peraduan. Bagaimana pula tahun ini, dapatkah anak murid sa-bagai johan menunggu mengekalkan gelaran-nya itu atau guru-nya sa-bagai johan perengkat saringan akan dapat merebut kembali kejohanan, untok di-pileh mewakili negeri ini ka-pertandingan antarabangsa?

Dalam pada itu, kita tidak boleh mengketepikan qari2 dan qariah2 yang lain kerana mereka juga mempunyai bakat dan kebolehan-nya yang tersendiri.

Mengenai dengan peraduan itu, pehak Pelita telah meninjau latar-belakang qari2 dan qariah2 yang akan bertanding di-perengkat akhir nanti. Daripada sembilan orang peserta, dua orang qari tidak dapat di-ketahui latar-belakang mereka kerana tidak dapat di-hubongi. Mereka itu Awang Haji Mohd Yusof bin Abu Bakar, johan menunggu dan Awang Nordin bin Haji Arshad wakil dari Daerah Temburong.

PESERTA VETERAN

Wakil kawasan Brunei V, Awang *Haji Damit* bin Haji Kawang sa-orang qari yang tidak asing lagi di-negeri ini. Beliau merupakan peserta veteran yang telah enam kali bertanding di-perengkat antarabangsa dan 10 kali di-perengkat negeri.

Perengkat negeri beliau pernah menyandang gelaran johan pada tahun2 1968, 1969, 1976, 1979; naib2 johan 1966, 1974, 1975, 1978 sementara tempat ketiga pada 1964 dan 1967. Beliau memasoki pertandingan antarabangsa pada tahun 1966 ketika berusia 16 tahun.

Awang Haji Damit berasal dari Kampong Sungai Besar, sa-orang Guru Ugama Tingkatan Khas, mula mendapat pendidekan asas Al-Kor'an sejak berumor 8 tahun. Menurut-nya, kini beliau di-perbantukan untok memberi kursus kapada guru2 ugama yang baru berkhidmat di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan khusus dalam bahagian Al-Kor'an yang di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama menerusi chorong2 Radio.

Beliau di-sifatkan sa-orang guru yang aktif dalam mengendalikan kelas2 Al-Kor'an. Menurut-nya, pada masa ini beliau menyelenggarakan empat buah kelas Al-Kor'an dan sa-buah di-kampong-nya sendiri. Anak murid-nya di-anggarkan lebeh 120 orang.

PEMBACHAAN

Dalam pada itu, Awang Haji Damit pernah mengikuti kursus pembachaan Al-Kor'an daripada qari2 termashor di-Semanjong Malaysia.

Turut juga bertanding dalam peraduan itu nanti termasok-lah isteri beliau, Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris sa-bagai wakil kawasan Brunei V. Awang Haji Damit memberitahu, isteri-nya pernah mewakili Negeri Brunei ka-musabaqah antarabangsa sa-banyak tiga kali dan pada tahun 1978 isteri-nya menyandang tempat ketiga.

Menurut Awang Haji Damit, "Kami saling ajar mengajar dan bermuzakarah, di-samping dorong-mendorong untok meningkatkan mutu pembachaan kami." Kerana, kata-nya dengan sistem bermuzakarah-lah akan lahir daya pembachaan yang baik dalam pembachaan Al-Kor'an.

Dayang Hajjah Siti Ara pernah menjadi guru kelas2 dewasa Al-Kor'an di-*Daerah Brunei dan Muara dalam beberapa tahun yang lalu.*

Bagi Awang Wasli bin Haji Abu Bakar, ini-lah kali pertama beliau berpeluang memasoki perengkat akhir negeri walau pun telah ikut menyertai pertandingan sejak tahun 1972 lagi. Oleh kerana sifat-nya yang tidak kenal putus asa, beliau tidak kendor2 berusaha untok meninggikan mutu pembachaan-nya dengan mengikuti berbagai2 kursus Al-Kor'an yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama termasok-lah kursus majlis QURA sa-lama enam bulan.

Beliau mendapat bimbingan awal pembachaan Al-Kor'an daripada Ustaz Yahya bin Haji Abdul Rahman sembilan tahun yang lalu. Sa-lepas itu, beliau belajar pula dengan beberapa orang qari2 tempatan, sa-belum berguru dengan Ustaz Haji Khalidi bin Abdul Karim. Dalam pada itu, beliau juga pernah mengikuti bimbingan Al-Kor'an di-Radio Brunei.

Sa-masa di-bangku sekolah, Awang Wasli pernah memasoki peraduan antara sekolah2 ugama seluroh negeri daripada tahun 1962 hingga 1966, di-mana beliau telah menyandang gelaran johan dan naib johan beberapa kali.

BAIKI BACHAAN

Beliau yang berasal dari Kampong Pekilong Muara, ia-lah wakil kawasan Brunei II. Awang Wasli pernah mengajar di-kelas Al-Kor'an yang di-kendalikan oleh Persatuan IQRA.

Mengenai dengan persediaan beliau sekarang, Awang Wasli menerangkan, "Saya pada masa ini giat memperbaiki bachaan saya dengan belajar kapada 'mahaguru Al-Kor'an' saperti Haji Ahmad Shukor dan lain2 qari tempatan dan luar negeri yang berkaliber."

Peserta qariah yang kini berada di-tahun ketiga Maktab Perguruan Ugama, Dk Salbiah binte Pg Mohd Salleh memberitahu beliau mendapat pendidekan asas pelajaran Al-Kor'an daripada kedua orang tua-nya di-Kampong Bakut Siraja Muda dan sa-lepas itu berguru pula dengan jiran-nya.

KURSUS AL-KOR'AN

Sa-masa berada di-maktab, menurut-nya, beliau mengikuti kursus bimbingan di-radio di-bawah pimpinan Awang Haji Damit bin Haji Kawang. Di-samping itu, kata-nya, beliau juga pernah mengikuti kursus Al-Kor'an di-majlis QURA, di-mana di-sini-lah beliau menghalusi bachaan-nya yang lebeh sempurna dan baik dari segi fasahah, lagu dan tajuwid.

Pada tahun lepas, Dk Salbiah menyandang johan peraduan membacha Al-Kor'an antara sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluroh negeri. Sa-belum itu beliau juga berjaya menyandang gelaran johan dua tahun berturut2 pada 1971 dan 1972 bagi sekolah2 ugama bahagian kanak2.

Beliau mula memasoki perengkat dewasa pada tahun 1978 tetapi tidak berjaya. Namun demikian harapan beliau untok masok ka-perengkat akhir terchapai juga apabila beliau terpileh di-perengkat saringan baru2 ini sa-bagai mewakili kawasan Brunei II.

"Saya mungkin tidak dapat mengalahkan dua orang qari yang tidak asing lagi di-negeri ini. Walau pun harapan saya tipis untok munchol sa-bagi johan tetapi saya yakin berkat usaha yang telah saya jalani sekarang mungkin saya akan melahirkan bachaan yang lebeh baik di-perengkat akhir di-bandingkan waktu di-perengkat saringan yang lalu," demikian menurut Awg Mohd Daud bin Abdul Kadir yang menyandang johan bagi kawasan Brunei I dan ini pertama kali masok ka-perengkat akhir negeri.

Awg Mohd Daud ia-lah sa-orang penuntut akhir Maktab Perguruan Ugama. Menurut-nya, sa-belum berguru dengan Awang Haji Damit (qari yang akan ikut bertanding), beliau mendapat bimbingan awal membacha Al-Kor'an daripada kedua orang tua-nya sejak kechil lagi.

Beliau pernah mengikuti kursus bimbingan Al-Kor'an di-radio dan di-majlis QURA yang di-kelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-lama enam bulan.

Berasal dari Kampong Lurong Sikuna, Kampong Ayer, Awang Mohd Daud mula memasoki pertandingan perengkat dewasa pada tahun 1978 tetapi chuma di-perengkat kawasan kerana mendudoki tempat ketiga dan begitu juga pada tahun 1979/80. Beliau pernah menjadi johan antara sekolah2 ugama sa-negeri pada tahun 1976.

QARI'AH MUDA

Peserta qariah termuda dan di-ramalkan mempunyai harapan untok menyandang johan peraduan ini ia-lah Dayang Zainab bte Haji Mohd Salleh, sa-orang penuntut tingkatan 4 di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains. Kejayaan pertama beliau pada tahun 1979 sa-bagai johan sekolah2 ugama seluroh negeri dan pada tahun lepas, 1980, berjaya lagi menjadi johan antara sekolah2 menengah bawah.

Walau pun di-peraduan perengkat kawasan Brunei IV, beliau chuma mendudoki naib johan tetapi sa-telah di-adakan saringan sa-paroh akhir negeri baru2 ini, beliau yang di-sifatkan sa-bagai pendatang baru yang berbakat telah munchol menjadi johan dengan mengalahkan 19 peserta qariah lain termasok Dayang Hajjah Siti Ara yang mendapat tempat ketiga musabaqah antarabangsa.

Dayang Zainab mula belajar Al-Kor'an ketika berumor 12 tahun daripada Ustaz Jamaluddin bin Ismail. Kemudian mengikuti kursus bimbingan Al-Kor'an di-radio sejak tahun 1978.

Menurut sa-orang juruchakap pehak keluarga-nya, Dayang Zainab masa ini sedang giat menjalani latehan intensif daripada sa-orang qari luar negeri yang berpengalaman dan berkaliber sa-bagai persiapan mengadapi peraduan itu nanti.

KALI KEDUA

Sementara wakil kawasan Brunei I, Dk Saadiah bte Pg Haji Tuah pula menerangkan ini-lah kali kedua, beliau ikut bertanding di-perengkat akhir negeri.

Dk Saadiah kini mengajar di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masnah. Beliau mendapat pendidekan asas Al-Kor'an sejak kechil lagi daripada kedua orang tua-nya. Kemudian apabila memasoki Maktab Perguruan Ugama pada tahun 1977, di-sini-lah beliau mendapat pengajaran yang lebeh sempurna daripada qari2 tempatan dan luar negeri.

Beliau pernah menjadi johan membacha Al-Kor'an antara sekolah2 Menengah dan Maktab2 seluroh negeri pada tahun 1977 dan naib johan 1980.

Sementara itu, beliau juga pernah mengikuti kursus Al-Kor'an di-Majlis QURA awal tahun ini dan kini beliau mengajar sa-chara sambilan di-kelas Al-Kor'an ynag di-selenggarakan oleh Persatuan IQRA.



MINGGU ini ranchangan UJI-LAH BAHASA KITA menampilkan pula perlawanan di-antara Sekolah2 Menengah Bawah, di-antara SMM Ahmad Tajuddin dan Belait bertemu SMM Bendahara Sakam Bunot, siaran-nya saperti biasa pukol 10.30 pagi hari Jumaat 19hb Jun 1981 dan manakala ulangan-nya pada hari Selasa jam 9.30 malam. Jika awda khas-nya pelajar ingin mengikuti-nya, jangan lupa berada di-sisi peti radio masing2 pada tarikh dan waktu yang di-sebutkan.

# Filem renchana Berdikari dan Semangat Tabah

TAHUN 1981 telah di-ishtiharkan oleh Perhimpuan Agong Bangsa2 Bersatu sa-bagai Tahun Antarabangsa bagi Orang2 Chachat yang membawa beberapa matalamat khusus untok gulongan penghuni dunia yang kurang bernasib baik. Ini meliputi mereka yang chachat anggota, akal, pancha indera, penyakit melarat dan chachat serba serbi. Matalamat ini menitik beratkan usaha membantu masharakat yang kurang bernasib baik menyesuaikan diri di-kalangan masharakat di-segi fizikal dan pisologi dengan memberikan latehan, jagaan, bimbingan serta penyertaan yang meluas dalam masharakat.

## OBJEKTIF

Menggalakan penyelidekan dan kajian menchari penyelesaian ka-atas masaalah orang2 yang kurang bernasib baik juga menjadi objektif. Tahun 1981 ini juga di-jadikan titik tolak untok menyebarkan maalumat dan segala apa jua keterangan mengenai orang2 yang kurang bernasib baik kapada masharakat umom, supaya masharakat keselurohan-nya tahu asasi orang2 chachat.

Negara kita Brunei juga menyertai pengishtiharan ketetapan Badan Sa-Dunia itu dan sempena dengan itu, Bahagian Dokumentari Radio Talivishen Brunei telah menyiapkan dua filem renchana bertajok BERDIKARI dan SEMANGAT TABAH yang di-terbitkan oleh Hanafi Joffri.

BERDIKARI tayangan-nya pada 19hb Jun jam 8.30 malam mendedahkan ketabahan dan kemampuan masharakat terchachat pancha indera mengikuti kursus dan latehan yang di-sediakan oleh Kerajaan, hingga mereka berjaya berdikari dan boleh hidup di-kalangan masharakat biasa.

SEMANGAT TABAH tayangan-nya pada 26hb Jun jam 9.00 malam menunjokkan gulongan yang terchachat anggota, sama ada terchachat sejak lahir mau pun ketika hampir belia tetap tidak putus asa untok mengechap hidup bahagia. Kerajaan menitik beratkan usaha membantu mereka dengan menyediakan pusat2 pendidekan bagi menentukan penerangan yang lengkap di-kalangan masharakat. Keazaman mereka dapat di-lihat dari ketekunan mereka belajar dan berlateh.

## MEMBANTU

Dari filem2 renchana yang di-sempurnakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan dan Jabatan Pelajaran Bahagian Pusat Latehan Teknikal Jalan Muara, semoga dapat kita renongkan apa-kah yang telah kita berikan salama ini untok membantu mereka dalam usaha meneruskan hidup di-dunia yang penoh liku2. Sedangkan kita yang sempurna ini begitu pahit untok meneruskan hidup sa-harian dan apa-kah pula keadaan-nya dengan mereka yang serba tidak berdaya.







KERAJAAN melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sentiasa menitik-beratkan usaha bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik dengan memberikan latehan dalam berbagai bidang saperti membuat bakul (gambar atas).

Kerajaan juga membiayai perbelanjaan bagi orang2 chachat mendapat latehan di-luar negeri. Salah sa-orang yang kurang bernasib baik mendapat peluang itu ia-lah Awang Ghafar Simoh yang telah mendapat latehan di-Kuala Lumpur. Beliau sekarang bertugas sa-bagai talipon operator di-rumah sakit Suri Seri Begawan Kuala Belait (kiri).

Sementara gambar kiri atas menunjokkan sa-bahagian dari orang2 yang kurang bernasib baik membawakan sa-buah lagu dalam majlis perasmian pelancharan Tahun Antarabangsa bagi orang2 chachat di-Brunei yang telah berlangsong di-Pusat Belia pada 6hb Mei yang lalu.

# Kesah ayah jahil dalam sandiwara radio minggu ini

SANDIWARA Minggu ini akan membawa cherita yang bertajok 'TELEPHONE' karya A. Mohammad Timbang Brunei.

Cherita ini mengesahkan kehidupan sa-buah keluarga. Si-ayah dan dua orang anak-nya yang sudah dewasa. Sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan. Isteri-nya sudah lama meninggal dunia.

Kerana mendapat didekan berugama yang kuat, kedua anak tadi, tidak pernah mengabaikan surohan ugama dan sentiasa taat menjunjong perentah Tuhan ia-itu sembahyang. Tetapi amat berlainan sekali dengan watak ayah mereka. Ayah mereka tidak mahu bersembahyang dengan mempunyai seribu alasan. Puas sudah kedua anak-nya menasehatkan si-ayah, tetapi segala nasehat ini hanya di-pandang sepi oleh si-ayah.

Apa-kah usaha yang akan di-lakukan oleh kedua anak tadi, demi untok memberikan kesedaran kapada ayah-nya. Dan ada-kah ayah-nya akan men[g]ubah sikap-nya dal[am] cherita ini? Untok meng[e]tahui lebeh lanjut ... akan cherita-nya, jang[an] lupa untok mengikuti Sandiwara Minggu Ini—Telephone terbitan Za... Mohd Yusof, yang ak[an] ka-udara di-Radio pa[da] 21hb Jun, 1981 jam 12... tengah hari.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 17HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NATURE OF THINGS : Evolution Up To Date.
5.30 GODZILLA : The Earth Eater
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY — "Mork the Prankster"
6.30 SAPPHIRE AND STEEL
6.38 AZAN MAGHRIB
6.46 SAPPHIRE AND STEEL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS : Full Circle
7.50 AZAN ISHA
7.54 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 CONCRETE COWBOYS : "200 Miles to No Place"
9.40 ROYAL VARIETY PERFORMANCE 1980
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 18HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FABULOUS FUNNIES
6.30 MYSTERIOUS WORLD : "The Riddle of the Stones"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.46 MYSTERIOUS WORLD : sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 WONDERLAND COVE : "The Little People"
7.50 AZAN ISHA
7.54 WONDERLAND COVE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY : "Chrissy's Night Out"
10.00 THE PROFESSIONALS : "It's Only A Beautiful Picture"
12.05 SIARAN TAMAT.

12.05 SIARAN TAMAT.



SAMMY Davis Junior — salah sa-orang penyanyi undangan khas dalam ROYAL VARIETY PERFORMANCE malam ini.

## JUMAAT — 19HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : Rangi's Catch "Jet Boat"
5.30 SUPER GLOBETROTTERS : "Sgt Versus Bwana Bob"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.30 THE MUPPETS : "Hal Linden"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.46 THE MUPPETS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MARIE OSMOND SHOW
7.50 AZAN ISHA
7.54 MARIE OSMOND SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 BERDIKARI — Sa-buah filem renchana tempatan yang mengesahkan kejayaan orang2 yang kurang bernasib baik (kechachatan pancha indera) hidup berdikari dan penyerapan-nya di-kalangan mashārakat.
9.00 NOBODY'S PERFECT — Kesah2 luchu boleh mengingatkan berbagai-bagai chara kita boleh menangkap sa-orang penchuri.
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 QUINCY : "The Final Gift"
11.20 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 20HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES SHOW
6.30 BEWITCHED : "Samantha and the Loch Ness Monster" Samantha menyuroh menukar Loch Ness Monster menjadi Bruce . . . . sa-balek-nya Bruce lebeh baik terus menjadi Monster!
6.38 AZAN MAGHRIB
6.46 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MAGNUM
7.50 AZAN ISHA
6.38 AZAN MAGHRIB
7.54 MAGNUM — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA : "Akhir Sebuah Impian" Kesah sa-orang perempuan bernama Yanti berhijrah ka-Jakarta untok menchari pekerjaan. Malang-nya dia ditimpa kemalangan jalan raya menyebabkan mata-nya menjadi buta. Ia mengalami berbagai2 rintangan hidup. Ikuti-lah kesah selanjut-nya dalam filem ini. Antara pelakun2 yang membintangi filem ini ia-lah Emilia Contessa, Broery Marantika, Benjamin S., Farouk Afero, Roos Sumanti dan lain2 pelakun Indonesia yang handalan.
10.45 HAMMER HOUSE OF HORROR : "The Carpathian Eagle"
11.35 SIARAN TAMAT.



PELAKUN British Ron Moody memegang peranan Inspector Roger Hart dalam siri Komedi baru "NOBODY'S PERFECT" bermula Jumaat lusa kira2 jam 9.00 malam.

## AHAD — 21HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 VISION ON
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 RICHIE RICH
6.35 CHILDREN'S SHORT STORIES : "Luke Was There"
6.39 AZAN MAGHRIB
6.47 CHILDREN'S SHORT STORIES — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK
7.51 AZAN ISHA
7.55 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 THE BOSOM BUDDIES
9.00 TARIAN2 KEBUDAYAAN
9.30 THE SANDBAGGERS — "Enough of Ghosts" Sa-orang pegawai kanan di-Kementerian Luar British telah di-cholek ketika dia sedang membawa beberapa report rahasia mengenai Afrika Selatan. The Sandbaggers bertindak untok menyelamatkan kedua-nya.
1020 THE BIG VALLEY — "Hazard"
11.10 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 22HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 SEALAB 2020 : Kesah2 rekaan di-dasar lautan dalam tahun 2000.
5.35 ANIMAL WORLD : "A Special Kind of Love"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TARZAN : "Golden Runaway" Dengan pertolongan Tarzan, sa-orang askar bukan sahaja terlepas dari tudohan membunoh dan menchuri tetapi beroleh isteri pula!
6.39 AZAN MAGHRIB
6.47 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS : "Angels On A Roll"
7.51 AZAN ISHA
7.55 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 A TOWN LIKE ALICE — Jean dan Joe bertemu di-Great Barrier Reef, Australia.
9.40 WHICKER'S WORLD — California : "Shooting Somebody . . . It's Called Survival."
10.30 DELPHI BUREAU : "The Day of Justice Project" Dengan hilang-nya sa-orang "space scientist" dan timbul-nya satu "death list", Glenn Garth dapat membongkar satu komplot khianat.
11.20 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 23HB. JUN

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH : "Tale of a Tub"
5.15 HANDFUL OF SONGS
5.30 AQUAMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.39 AZAN MAGHRIB
6.47 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 240 ROBERT : "The Applicant"
7.51 AZAN ISHA
7.55 240 ROBERT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 PERTANDINGAN MEMBACHA AL-KOR'AN
11.30 SIARAN TAMAT.



# PEM
# HA



INI-lah Dewan Besar, PTE Gadong yang baru berharga $3 juta di-mana berlangsong-nya perasmian Hari Pelajar tahun ini.

Dewan yang di-lengkapi dengan sistem suara yang sopistiketed ini boleh menempatkan 960 orang penuntut di-bahagian bawah-nya dan 420 lagi di-bahagian geleri. Pada sudut lain terdapat tempat khas bagi tetamu2 kenamaan.

Di-samping itu, pusat ini juga mempunyai sabuah kompleks sokan-nya yang bernilai sa-juta ringgit yang kini sedang dalam pembenaan.











# [K]esedaran orang2 Islam terhadap ugama kian meningkat

[A]LHAMDULILLAH, di-saat yang akhir2 [n]ampak-nya dapat di- [li]hat sambutan orang ra- [ayat] terhadap majlis2 ke- [ugam]aan ada-lah amat [meng]galakkan. Di-sana [...] dalam bulan Rejab hingga ka-hari ini, [...]h kedengaran majlis2 [Isra'] dan Me'raj di-ada- [kan] orang, baik oleh sek- [tor] kerajaan mau pun [pe]ndirian. Sa-tiap maj- [lis] biasa-nya mendapat [sam]butan2 yang baik dan [mem]uaskan.

## KESEDARAN

[Pe]rkara yang seumpa- [ma] ini menandakan ada- [nya] kesedaran dan ghairah [orang]2 Islam terhadap [ugam]a itu kian meningkat. [Mer]eka tidak sahaja se- [kadar] perkara2 dunia, tetapi [...] ashek dengan akhirat [mer]eka. Mereka mahu me- [ngeta]us akhirat mereka itu [...]an sebaik2-nya. Se- [...] lagi kita uchapkan [syu]kor alhamdulillah, mu- [dah2]mudahan Allah terus [...]erus mendurong [orang]2 Islam dalam negeri [ini] kearah menyukai [ugam]a dan mengamalkan-[nya].

[U]gama Islam sa-bagai [ugam]a yang selamat dan [men]yelamat, memberikan [...] panduan yang te- [...] melalui keterangan2 [Al-Qu]r'an dan Hadith2 [Nabi] s.a.w. Hanya satu ja- [lan se]lamat yang mesti di- [ikut] oleh manusia, jika [...]tau menyimpang dari [...] ini, pasti binasa dan [...]wa. Jalan itu ia-lah [...] yang berupa per- [intah]an2 Allah, yang me- [nerang]kan tentang dosa — [...] dan halal — ha- [ram]. Barangsiapa yang [men]jadikan-nya panduan [dan i]kutan, maka orang [itu ak]an selamat dan ba- [hagia] di-dunia dan di- [akhira]t. Ia akan beroleh [kete]ngan jiwa di-dunia, [dan g]anjaran dan balas- [an ya]ng istimewa sa-sudah [mati-n]ya. Ini ada-lah janji [Allah] sa-bagai firman- [nya] yang bermaksud:

## [H]ARI KIAMAT

*"[Ba]rangsiapa yang mem- [buat a]malan2 saleh sama- [ada] lelaki atau perem- [puan] — dan ia-itu orang [mu'min]—neschaya Allah [...]kan kapada-nya [...] yang baik di- [dunia] akan membalas- [nya] [...] balasan yang [...]kan-nya di- [akhira]t kelak."*

[Tetapi] sebalek-nya [orang]2 yang meninggalkan [suruh]an2 Allah, akan di- [...] [...]kan dan hina [...] orang sesat di- [dunia] serta malang akan [...] azab yang pe- [dih] di-akhirat kelak. Fir-man Allah Taala dalam Surah Taha ayat 124 yang bermaksud:

*"Barangsiapa yang berpaling dari peringatan-Ku maka sesunggoh-nya bagi orang itu penghidupan yang sempit, dan Aku menghimpunkan-nya kelak pada Hari Kiamat didalam keadaan buta."*

Ada pun perbuatan berpaling daripada ajaran2 Allah Taala, ada-lah menjadi sebab utama di-turunkan benchana dan malapetaka yang berturut2. Maksiat puncha utama hilang-nya pahala dan berkat umor kita. Maksiat menjadi sebab gelap dan keras-nya hati kita. Maksiat menyebabkan tanggapan dan pemikiran menjadi salah, tidak dapat membezakan di-antara yang hak dan yang batil. Maksiat menyebabkan dada menjadi sempit tidak dapat menerima ilmu yang benar dan hidayat Allah.

Kerana itu di-galakkan kita selalu beristigafar, memohon keampunan dengan taubat. Sesunggohnya dosa itu ada-lah tampang2 hitam yang menutopi hati, jika hati tertutop, sinar hidayat dan kebenaran tidak akan dapat memasoki-nya. Saperti hadith Nabi yang bermaksud lebeh kurang:

*"Sa-orang hamba itu, apakala ia melakukan suatu dosa, ada-lah satu titik hitam telah menutop hatinya. Jika ia taubat daripada dosa-nya itu, bersehlah hati itu. Jika bertambah dosa-nya, maka akan bertambah pula-lah titik2 hitam itu. Allah berfirman maksud-nya: tidak disinari apa jua pekerjaan mereka di-sebabkan dosa atas dosa, sa-hingga menjadi-lah hati itu buta sebuta2-nya."*

Dari itu wahai kaum muslimin, mari-lah kita sama2 memelihara diri daripada dosa, dengan mengasoh dan memaksakan diri itu menerima ajaran2 Allah Taala. Patohi hukum halal — haram sabagai kewajipan yang utama, untok mengelakkan seksa dan mala-petaka didunia maupun di-akhirat.




# Kursus Haji bermula

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 1,846 bakal2 haji telah memulakan kursus haji pada 7hb Jun lalu dan ia-nya akan di-teruskan hingga 23hb Ogos depan. Kursus sa-umpama itu di-adakan pada tiap2 hari Ahad yang bermula dari jam 8.30 hingga 11.00 pagi di-sa-tiap pusat2 yang di-sediakan.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei telah di-adakan diseluroh negeri bertujuan samata2 untok memberikan pengetahuan yang lebeh mendalam tentang hukum2 dalam rukun haji di-samping untok mengeratkan perhubongan diantara bakal2 haji.

Kursus tersebut di-sampaikan dalam dua bentok ia-itu bentok teori dan praktikal oleh pegawai2 ugama dan guru2 ugama yang di-tugaskan. Antara kursus yang diberikan termasok-lah hukum2 haji, rukun2 (kerja wajib haji) dan lain2 masaalah ibadat yang berhubong dengan haji, chara2 tawaf, ihkram, melontar dan masaalah dari segi perbuatan2 ketika ditanah suchi.

Sa-jumlah 15 buah pusat kursus telah di-sediakan diseluroh negeri oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama termasok 12 buah di-Daerah Brunei dan Muara dan sa-buah masing2 di-Daerah Temburong, Kuala Belait dan Tutong.

Pusat2 tersebut ia-lah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Sekolah Menengah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Anak Damit, Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Madarsah Setia Ali, Sekolah Melayu Dato Gandi, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan, Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Sekolah Melayu Pehin Dato Jamil, Sekolah Melayu Pengiran Digadong Haji Mohd Salleh, Sekolah Melayu Dato Gudam, Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin Kuala Belait, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain Tutong dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah Temburong.

Dari 1,846 orang bakal2 haji itu, sa-jumlah 1,691 orang dari Daerah Brunei-Muara, 127 orang dari Daerah Belait, 138 orang dari Daerah Tutong dan 48 orang dari Daerah Temburong.

# TUJOH GOLONGAN YG MENDAPAT NAONGAN DI-HARI KIAMAT

TELAH di-kisahkan melalui sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim, bahawa di-Hari Kiamat nanti ada tujoh macham orang yang termasok dalam naongan atau perlindongan Allah s.w.t. Maka golongan yang lain daripada tujoh itu di-tolak oleh Allah s.w.t. dari di-beri perlindongan atau naongan.

Ada pun tujoh macham orang itu, sudah tentu-lah mereka itu terdiri daripada orang2 yang amat tinggi darjah ketakwaan-nya kapada Allah s.w.t. Tanpa sifat takwa di-dalam hati, tidak mungkin mereka dapat melaksanakan perkara2 yang menyebabkan mereka di-izinkan oleh Allah s.w.t. bernaong di-Hari Kiamat nanti.

## HADITH

Yang di-maksudkan oleh hadith Baginda Rasulullah s.a.w. itu ia-lah: *"Ada tujoh macham orang di-beri naongan oleh Allah pada hari yang tiada naongan (Hari Kiamat), kechuali naongan yang di-korniakan oleh Allah, ia-itu Pertama: Imam yang adil; Kedua: Orang muda yang taat dan hidup beribadat kapada Allah; Ketiga: Orang yang berdzikir kapada Allah di-waktu sunyi, lalu keluar-lah ayer mata dari kelupak mata-nya; Keempat: Orang yang hatinya bergantong kapada masjid atau chintakan masjid; Kelima: Dua orang yang paling kasehmengasehi kerana Allah; Ke-enam: Orang lelaki yang di-ajak oleh wanita yang chantek dan berpangkat supaya melakukan maksiat dengan diri-nya, tetapi lelaki itu menjawab: "Sa-sunggoh-nya saya ini takut kapada Allah;" Ketujoh: Orang yang bersedekah lalu di-sembunyikan-nya, sa-hingga boleh di-umpamakan bahawa tangan kiri-nya itu tidak mengetahui apa yang dilakukan oleh tangan kanan-nya."*

> O Bingkisan minggu ini

## PILEH KASEH

Daripada ketujoh-tujoh macham orang tersebut (orang yang akan di-beri naongan di-Hari Kiamat oleh Allah) dapat-lah kita huraikan akan tujuan orang2 yang di-maksudkan saperti berikut: Imam yang adil (bermaksud ialah pemimpin atau siapa sahaja yang sedang memegang kekuasaan). Adil erti-nya tidak pileh kaseh, tidak pandang bulu, keturunan dan pangkat, siapa yang salah pasti dikenakan hukuman, sa-kali pun orang yang bersalah itu suku sakat-nya atau pun bukan, baik ia miskin atau kaya dan sa-bagainya. Imam yang adil sademikian-lah yang mendapat naongan Allah s.w.t. pada Hari Kiamat nanti.

Orang muda yang taat dan hidup beribadat kapada Allah (sejak kechilnya hingga-lah dewasa) ia sentiasa menambahkan keimanan-nya dan samakin hari sa-makin bertambah ketaatan-nya terhadap Allah s.w.t. Maka sudah sa-timpal-lah orang muda sa-macham itu diberi naongan oleh Allah di-Hari Kiamat kelak.

Orang yang berdzikir kapada Allah di-waktu sunyi lalu keluar-lah ayer mata-nya (di-maksudkan bahawa ia ingat kapada Allah di-waktu sunyi saperti di-tengah malam, lalu ia menangis kerana mengingatkan keagongan Allah di-samping mengingatkan akan nekmat2 Allah yang telah di-berikan kapada-nya serta mengenang betapa kelemahan diri-nya di-sisi Allah dan banyak dosa2 yang di-tanggongi-nya) di-samping ia mengingat itu, ia beristigafar dan memohon keampunan Allah s.w.t.

Orang yang hati-nya bergantong kapada masjid atau chintakan masjid (orang itu sangat mengambil berat tentang hal ehwal yang berkaitan dengan masjid dan di-masjid itu-lah tempat ia memperhambakan diri-nya kapada Allah).

Dua orang yang paling kaseh-mengasehi kerana Allah (di-maksudkan bahawa mereka berkumpol kerana Allah dan kalau berpisah pun kerana Allah. Kaya atau miskin tidak menjadi soal perhubongan mereka, juga bukan kerana satu2 muslihat saperti inginkan hartabenda atau kerana ingin mengahwini salah-seorang kaum keluarga-nya) perhubongan mereka ada-lah benar2 ikhlas kerana Allah jua.

Orang lelaki yang diajak oleh wanita yang chantek dan berpangkat supaya melakukan maksiat dengan diri-nya, tetapi orang lelaki itu menjawab "Sa-sunggoh-nya saya ini takutkan Allah" (ini dapat-lah juga di-maksudkan pada sa-balek-nya ia-itu sa-orang wanita yang diajak oleh sa-orang lelaki yang tampan, kaya serta tinggi pangkat dan keturunan, tetapi kerana takut-nya kapada Allah, wanita itu berkata "Sa-sunggoh-nya saya tidak mahu, kerana saya takutkan Allah."

## BERSEDEKAH

Orang yang bersedekah lalu di-sembunyikan-nya sa-hingga boleh di-umpamakan bahawa tangan kiri-nya tidak tahu akan apa yang di-lakukan oleh tangan kanan-nya. Hal samacham ini juga susah dilaksanakan, jika saseorang itu tidak benar2 mempunyai ketakwaan yang sa-benar2-nya kapada Allah. Kerana orang tidak takwa sangat suka sa-kali menampak-nampakkan akan amal perbuatan-nya, dan ada sabilangan-nya enggan bersedekah atau membuat amal kebajikan yang lain kalau tidak ada orang yang menyaksikan-nya atau mengetahui-nya akan amal-nya itu.

Itu-lah huraian rengkas akan maksud sifat ketujoh macham orang yang akan mendapat naongan atau perlindongan Allah di-Hari Kiamat nanti.

Sekarang soal-nya adakah kita mempunyai sifat2 sa-umpama itu? Kira-nya belum sa-harus-nya-lah kita berusaha untok menyekutukan diri ka-dalam golongan orang yang bersifat sa-demikian. Kerana itu mari-lah kita berdo'a semoga kita di-jadikan sabagai orang2 yang termasok ka-dalam golongan yang tujoh itu nanti, dengan mempertegohkan ketakwaan kita di-samping memperbanyakkan amal bakti untok memperolehi keredhaan Allah s.w.t.

# Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17hb Jun, 1981 hingga ka-hari Selasa 23hb Jun, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 17hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 18hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 19hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 20hb Jun | 12.27 | 3.47 | 6.38 | 7.50 | 4.37 | 4.52 | 6.08 |
| 21hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 22hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |
| 23hb Jun | 12.28 | 3.48 | 6.39 | 7.51 | 4.37 | 4.52 | 6.09 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# AJARAN SESAT (II)

## I'tikad Taslim dan hubongan-nya dengan Batiniah

**YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........**



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B. P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. M

### SIRI KE-84

(4) **Dua Kalimah Shahadat**

Puak Taslim beri'tikad: bahawa orang yang hendak menguchap Dua Kalimah Shahadat itu hendaklah bersaksi, jika tidak, ada-lah salah. Dari itu tiap2 orang yang hendak menguchap dua kalimah shahadat itu mesti mengadap (Rasul) ganti Nabi Muhamamd s.a.w. di-Bayan Lepas, Pulau Pinang.

(5) **Ugama Islam**

Mengenai dengan Firman Allah Ta'ala

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللهِ الْإِسْلَامُ .

erti-nya: Ugama di-sisi Allah itu ia-lah ugama Islam, mereka berkata dan beri'tikad: Bagaimana hendak mengambil atau memelok ugama Islam itu jika tidak kenal akan Tuhan. Ada pun orang yang hampir di-sisi Allah ia-lah Rasul-Nya, jika tidak berjumpa dengan Rasul itu, bagaimana boleh dapat ugama Islam itu. Dari itu untok memelok ugama Islam itu hendak-lah berjumpa dengan Rasul di-Bayan Lepas, Pulau Pinang.

(6) **Kor'an di-Karang2 Orang**

Puak Taslim beri'tikad lagi: Kor'an yang ada ini bukan Kor'an. Ada pun Kor'an yang sebenar ada dalam diri (Rasul) yang ada di-Pulau Pinang. Dari itu mereka memfatwakan kertas Kor'an boleh di-buat pembungkus hingga boleh di-buat pengesat najis.

(7) **Asal Nyawa Dan Jasad**

Puak Taslim mengatakan: Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: Aku bapa segala nyawa, dan Adam bapa segala jasad, dan asal nyawa Sayedina Adam daripada nyawa Sayedina Muhammad, dan asal jasad Sayedina Muhammad daripada jasad Sayedina Adam, dan asal tiap2 kedua-nya satu, maka dengan ini mereka beri'tikad daripada diri tiap2 saorang manusia itu Adam dan Muhammad, yang demikian mereka berniat tatkala berkata:

أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ

aku bersaksi aku Muhammad Rasulullah, (kata guru Taslim itu: ini terlalu sulit jangan chakap orang lain).

(8) **Perkara Mati**

Mengenai dengan mati, i'tikad Puak Taslim ada dua macham:

(1) Mati yang di-namakan Ma'nawi, yakni engkau mati sa-belum mati, di-kehendaki oleh mereka di-sini, ia-lah menyerahkan diri kapada (Rasul) yang ada di-Bayan Lepas, Pulau Pinang itu.

(2) Mati hakiki ia-itu bercherai nyawa (Muhammad) dengan jasad (Adam).

(9) **Perkara Juma'at**

Puak Taslim berkata: Juma'at itu ma'ana-nya bertemu, yang demikian kerana hari Juma'at hari bertemu Nabi Allah Adam dengan Hawa, yakni hari di-antara kedua-nya berjima', pada waktu Dzuhor mula jima', waktu 'Asar tengah kuat Jima', waktu Maghrib tengah pengsan, waktu Isha' baharu sedar, dan waktu suboh bercherai yakni selesai tamat. (Begitu-lah kita salin dari Majallah Warta Jabatan Ugama Johor Bilangan 3).

**Ijazah I'tikad Taslim**

Murid2 yang mengambil ijazah di-kenakan membawa kain puteh sekadar lima hasta kapada guru. Dan guru-nya itu akan sembahyang sunat di-atas kain puteh itu. Kemudian murid itu pula akan sembahyang di-atas kain itu berhadapan dengan guru-nya. Sa-telah selesai sembahyang guru itu terus mengajar di-atas kain puteh dengan memegang Kor'an dan bersumpah mengatakan tidak boleh sekali2 di-khabarkan ilmu ini kapada orang lain walau sa-sama murid. Jika di-khabarkan Kor'an ini akan melaknat ka-atas-nya. Sa-telah bersumpah guru itu akan mengajar ma'ana-nya tiada aku melainkan Tuhan (tiga kali).

لا انا الا هو .

Pinang.

Sa-telah itu guru itu memberi tahu bahawa

لا انا الا هو .

itu hendak-lah sentiasa di-ingatkan dalam hati sahaja. Apabila selalu ingat kalimah itu tidak-lah kena wajib sembahyang, puasa, zakat dan lain2 bahkan sembahyang itu di-lakukan sa-mata2 kerana takutkan adat.

Sa-bagai sa-bahagian dari proses menerima ijazah, guru itu akan memberi minum ayer sarbat yang champoran-nya salain gula ia-lah ayer hati anjing hitam dan sedikit darah jari manusia. Khasiat-nya untok menghilangkan chemburu kapada perempuan sa-hingga isteri sendiri jika di-lakukan orang zina di-hadapan-nya pun tiada timbul p rasaan apa2. Kata gu itu anjing hitam itu h kerana anjing masok sh ga saperti di-sebutkan d lam Surah Al-Kahfi. K puteh itu di-ambil oleh g ru dan tatkala hendak m nanti akan datang r kapas di-busar gemarla chachaya-nya tiada da di-chakapkan itu-lah T han. Beramal-lah deng

لا انا الا هو .

sa-berapa banyak, zikir wajib di-amalkan sa-ba ganti ibadat2 yang lain d sharat berzikir itu hend lah berchampor di-ant laki2 dengan perempu dan tiada mengapa m lakukan perbuatan keji k tika itu saperti berzi Apabila dapat anak d zina dalam berzikir itu m ka itu-lah anak yang sa (Demikian-lah di-rengk kan dari Majallah Wa Jabatan Ugama Jo Bilangan 3 itu).

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)



KELAS Kor'an dan Zikir Guru2 Ugama Daerah Brunei-Muara, telah berjaya menyandang johan peradua nashid sa-negeri yang telah di-adakan pada 7hb Jun yang lalu. Gambar atas kelihatan ketika kumpulan menerima Oskar Kejohanan yang di-sampaikan oleh Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Awang Haji Abdul Mokti bin Mohd Daud.

# AAN RASMI PELAJAR





HARI Pelajar Sekolah Seluroh Negeri telah bermula pada hari Ahad, 14hb Jun yang lalu, sa-telah pembukaan rasmi-nya dilancharkan di-Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong. Pelancharan-nya dilaksanakan oleh Pengawal Kastam dan Eksais, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz (atas).

Upachara perasmian Hari Pelajar itu telah diserikan dengan beberapa achara persembahan2 nyanyian, choir, nashid dan tarian2 asli saperti kelihatan dalam gambar2 diruangan ini.

Di-samping itu, beberapa kegiatan dan hasil2 pertukangan penuntut juga di-pamerkan dalam pameran kerjaya dan juga pameran kegiatan Penuntut2 Pusat Tingkatan Enam.









# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan; 6.03 — Sinaran wahyu; 6.30 — Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan Sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Rimba Raya (SU); 8.45 — Permintaan pagi Rabu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian Joget; 10.30 — Surat dari London; 10.45 — Riang ria; 11.00 — Taman mekar (SU); 11.30 — Autograph pendengar (SU). T/HARI : 12.00 — Sajian tengah hari—Azan fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG : 1.00 — Majallah radio (SU); 1.30 — Persembahan ku; 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.00 —Pembukaan dan susunan ranchangan; 5.03 — Untok belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong asli; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; Menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. MALAM : 7.00 — Kenangan mengusik jiwa; 7.30 — Majallah Radio, Azan Fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Bingkisan tanah ayer (SU); 9.00 — Serbanika hiboran (SU); 9.30 — Chitra irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an, Doa restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan; 6.03 — Sinaran wahyu; 6.30 — Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan Sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Ruangan ketani; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Lagu2 jenaka; 10.30 — Rampaian London (SU); 12.45 — Permintaan sukaramai. T/HARI : 12.00 — Ira kenchana, Azan Fardhu Dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.32 — Asli Pilehan; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG : 1.00 — Chitrawara (SU); 1.30 — Majallah radio (SU); 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.00 — Pembukaan dan susunan ranchangan; 5.03 — Majallah Ugama/Petikan soal jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 nasihat; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; Menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. MALAM : Bachaan Surah Yassin/Irama Dakwah; 7.30 — Bimbingan Al-Kor'an, Azan Fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara radio (SU); 9.00 — Tafsir Al-Kor'an 9.30 — Hidayat 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayat; 10.07 — Bachaan Ayat2 Suchi Al-Kor'an, Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan; 6.03 — Sinaran wahyu; 6.30 — Membachakan susunan ranchangan, dendang suria, menyanyikan lagu Kebangsaan Brunei; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan, 7.20 — Bertutor bahasa Inggeris, dendang suria; 8.30 — Pertanian; 9.30 — Pelajaran dewasa di-udara 9.30 — Tafsir Al-Kor'an (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan di-udara; 10.30 — Uji-lah bahasa awda; 11.00 — Bimbingan Al-Kor'an (SU); 11.30 — Drama Masharakat. T/HARI : 12.00 — Lagu Dakwah; 12.15 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an; 12.30 — Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat. PETANG : 1.15 — Qasidah/Nashid; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Lagu2 timor tengah; 1.58 — Membachakan susunan ranchangan; 2.00 — Ruangan ketani; 2.30 — Persembahan lagu2 gazal; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Paduan suara; 3.30 — Focus radio, Azan Fardhu Asar; 4.00 — Kuiz sekolah ka-sekolah; 4.30 — Langgam suara; 4.58 — Membacha susunan ranchangan; 5.00 — Ira kenchana (SU); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini, menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. MALAM : 7.00 — Cherpen dan salokan-nya (SU); 7.30 — Majallah radio, Azan Fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari Berpantun (SU); 9.00 — Permintaan sukaramai; 9.30—Majallah Ugama/petikan soal jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an, Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan; 6.03 — Sinaran wahyu; 6.30 — Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan Sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris, dendang suria; 7.45 — Laporan sambutan Hari Jadi Queen; 9.00 — Riang Ria; 9.15—Soalan di-udara; 9.30—Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Paduan suara; 10.30 — Rampai sari; 11.30 — Varia peristewa (SU); 11.45 — Sajian tengah hari, Azan Fardhu Dzohor; 12.30 — Panduan sokan, Sajian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG : 1.00 — Majallah radio (SU); 1.30 — Lagu2 dari filem; 1.45 — Rimba raya; 2.00 — Permintaan hujong minggu; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Anika lagu; 3.30 — Cherpen dan selokan-nya, Azan Fardhu Asar; 4.00 — Mutiara asli; 4.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU); 5.00 — Chitrairama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini, Menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. MALAM : 7.00 — Persembahan laku2 gazal (SU); 7.30 — Majallah radio, Azan Fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Langgam suara (SU); 9.00 — Kenangan mengusik jiwa (SU); 9.30 — Titian budaya (SU); 9.45 — Irama keronchong; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an, Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan; 6.03 — Sinaran wahyu; 6.30 — Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan sokan, dendang suria; 8.15 — Mempelajari bahasa Inggeris; 8.30 — Majallah radio (SU); 9.00 — Taman mekar; 9.30 — Dunia Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian budaya; 10.30 — Pop minggu ini; 11.00 — Senandong seloka; 11.30 — Suara kugiran. T/HARI : 12.00 — Sandiwara radio, Azan Fardhu Dzohor; 12.30 — Panduan sokan; 12.32 — Periang hati; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG : 1.00 — Permintaan dua station; 2.00 — Membachakan susunan ranchangan; 2.02 Bintang Kechil; 2.30 — Kampong terpuji; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun, Azan Fardhu Asar; 3.45 — Chitrawara; 4.30 — Sokan dan olahraga; 4.58 — Membachakan susunan ranchangan; 5.00 — Sharikat kerjasama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong senja; 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini, Menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib. MALAM : 7.00 — Persembahan ku (SU); 7.30 — Majallah radio, Azan Fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara parajurit; 9.30 — Permintaan lagu2 lama (60an); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 Bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an, Do'a restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Peliharakan Sultan; 6.03 — Sinaran wahyu; 6.30 — Membachakan susunan ranchangan, dendang suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, suntingan hidayah/peringatan harian; 7.15 — Panduan Sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa Inggeris; 8.30 — Serbanika hiboran; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30—Pilehan pendengar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Album Penyanyi; 11.00 — Permintaan sukaramai; 11.45 — Sains dan Perusahaan. T/HARI : 12.00 — Sajian tengah hari, Azan Fardhu D[illegible]hor; 12.30 — Panduan sokan; 12.45 — T[illegible] Waktu dan Warta Berita. PETANG : 1.0[illegible] Majallah radio (SU); 1.30 — Bingkisan [illegible] ayer, 2.00 — Siaran berhenti rehat; 5.0[illegible] Pembukaan dan susunan ranchangan; 5.0[illegible] Komintar radio; 5.15 — Periang hati 5.3[illegible] Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 [illegible] Senandong lagu2 asli; 6.00—Siri mukkad[illegible] Bingkisan hari ini, Menunaikan sembah[illegible] Fardhu Maghrib. MALAM : 7.00 — Sha[illegible] kerjasama (SU); 7.30—Majallah radio, A[illegible] fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan W[illegible] Berita, Berita2 tempatan dalam bahasa D[illegible] dan Iban; 8.30 — Kuiz ka-sekolah sek[illegible] 9.00 — Pertanian (SU); 9.30 — Mutiara [illegible] (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Reng[illegible] Berita; 10.05 —Suntingan hidayah; 10[illegible] Bachaan ayat2 Suchi Al-Kor'an, Do'a [illegible] 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Pe[illegible] kan Sultan; 6.03 — S[illegible] wahyu; 6.30 — Membach[illegible] susunan ranchangan, de[illegible] suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta B[illegible] suntingan hidayah/peringatan harian; 7.1[illegible] Panduan Sokan; 7.20 — Bertutor Bahasa [illegible] geris; 8.30 — Suara parajurit; 9.30 — Pe[illegible] taan kaum wanita; 10.00 — Tanda Waktu [illegible] Warta Berita; 10.15 — Irama Hindustan; [illegible] —Rampaian London; 10.45—Untok m[illegible] 11.00 — Autograph pendengar; 11.30 — D[illegible] Wanita (SU). T/HARI : 12.00 — S[illegible] tengah hari; 12.30 — Panduan sokan, A[illegible] Fardzu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu [illegible] Warta Berita. PETANG : 1.00 — Ma[illegible] radio (SU); 1.30 — Ku sampaikan salam; [illegible] — Siaran berhenti rehat; 5.00 — Pemb[illegible] dan susunan ranchangan; 5.03 — Varia [illegible] tewa; 5.15 — Sayu dan merdu; 5.30 — T[illegible] Waktu dan Warta Berita; 5.45 —Irama [illegible] 6.00 — Siri mukkadam — Bingkisan har[illegible] Menunaikan sembahyang Fardhu Ma[illegible] MALAM : 7.00 — Album Penyanyi; 7.[illegible] Majallah radio, Azan Fardhu Isha; 8.[illegible] Tanda Waktu dan Warta Berita, Berita2 [illegible] patan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.[illegible] Suara kugiran (SU); 9.00—Drama ma[illegible] kat (SU); 9.30—Uji-lah bahasa awda (S[illegible] 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Be[illegible] 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Ba[illegible] ayat2 Suchi Al-Kor'an, Do'a restu; 10.[illegible] Siaran di-tamatkan.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

DAVID'S MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Tchaikowsky Serenade Melancholique Beethoven — Symphony No. 7 in A Major |
| 8.45 | Indian Classical Music played by Ravi Shankar |
| 9.30 | Schubert Trout Quintet Mozart — Violin Sonatas. |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | Perspective |
| 8.45 | The Big Band Sound |
| 9.30 | Music by Eric Coates. |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | The Practical World |
| 8.15 | Hits In Germany |
| 8.45 | Two Away For 'No' |
| 9.30 | Top of The Pops. |

### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty Five : "The Last Escape" |
| 8.45 | John Fox Presents |
| 9.30 | World of Books. |

JA'AFAR'S POP NIGHT

### Tuesday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Quiz — Just For You |
| 8.45 | Music Pleasant and Unpleasant |
| 9.00 | Rock Line |
| 9.30 | Stereo Pop Special : "The Third World". |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 7.00 | BBC and Local News |
| 7.15 | Musical Hour |
| 8.15 | Radio Newsreel |
| 11.00 | Ladies At Seven — except holidays |
| 12.00 | Lunch Break until 1.30—except holidays |
| 12.30 | News |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

TAKE a look at these programmes and tick off the ones you like to hear. If you can suggest alternative programmes, please do so.

Write to : English Programme Organiser, Radio Television Brunei, Bandar Seri Begawan.



PICTURE shows Anne George holding the pitcher plant which was the topic of last week's talk on nature. Tune in to Anne George every week in Science Pop on Sundays at 9.30 p.m.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | English Examined |
| 11.15 | Strictly Instrumental |
| 11.30 | Children's Half Hour |
| 12.00 | Three Ladies In Stereo |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | The Paramor Sound |
| 1.15 | BBC Sports Magazine |
| 8.00 | Three Ladies In Stereo |
| 8.30 | Dateline |
| 9.00 | International Money Programme |
| 9.30 | Stringsound |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | We Care For You |
| 11.15 | BBC Beautiful Music |
| 11.30 | World of Books |
| 12.00 | Two Away For 'No' |
| 1.00 | Top of The Pops. |

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | The Tragedy of Macbeth |
| 8.30 | English Examined |
| 8.45 | Sun Poems |
| 9.00 | Hot Questions Cool Replies |
| 9.30 | Science Pop |

tisari RTB minggu ini

# NCHANGAN MEMASAK

Berjumpa lagi dalam ranchangan Mari ... Pada kali ini kami muatkan dengan ... geri Barat. Resepi yang kami maksud- ... Daging. Untok puan2 yang meminati ... kami salinkan resepi chara membuat-

punggong atas
ng puteh — di-tumbok
kop-nya
minyak salad
kichap manis
limau
chil lobak merah
kerim
chil lobak merah
— di-kupas kulit dan goreng.
kechil2.
entang
kachang pis
sechukop-nya
ng dan daun sop.

nya : —

daging kira2 ½ inchi tebal

separoh bahagian bawang puteh, mi- ... d, kichap manis, ayer limau dan ga- ... kop-nya.

bahan2 ini pada daging dan perap- ... kurang 45 minit.

g di-kupas kulit dan potong pan- ... kan dengan sedikit garam dan go- ... ngga garing.

ng pis di-chelor dengan ayer panas. Tos- ... yer-nya.

to di-kerat dua. Taborkan sedikit ga- ... an lada puteh di-atas-nya.

kan geril, sapukan minyak pada tin pem- ... Atorkan daging dan tomato dan geril- ... a-hingga masak — lebeh kurang 5-10

masak susunkan di-pinggan hidang ... orkan daun salad, tomato, kachang pis ... kentang.

gkan dengan sambal stik.

**uat sambal stik:—**

an lobak merah dan parut kasar. Panas- ... entega, tumiskan bawang puteh yang ... Masokkan lobak dan perasa sechukop- ... Kachau rata2. Tuangkan kerim. Gaul- ... ng goreng. Tuangkan ka-dalam mang- ... bal dan taborkan bawang goreng dan ... op.







## Kampong Terpuji akan ka-udara 21hb Jun

PERGERAKAN demi pergerakan, perkembangan demi perkembangan maka lahir-lah satu ranchangan siri Kampong Terpuji, terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei ini sentiasa mengunjongi kampong2 yang berkenaan di-negeri ini untok sama2 menyertai ranchangan tersebut. Dalam ranchangan ini ada-lah merupakan satu pemaparan kegiatan anak2 kampong di-mana juga sa-suatu kampong itu di-kunjongi.

Dalam gambar ini kelihatan sa-bahagian daripada pendudok2 Kampong Melilas, Ulu Belait sempat di-temu-ramah oleh penerbit yang mengusahakan ranchangan ini Ali Haji Aji beserta rakan sejawat Awang Abd Manaf Adam dengan menampakkan pelbagai kegiatan anak buah kampong tersebut.

Ranchangan Kampong Terpuji bagi Kampong Melilas akan dapat di-ikuti pada hari Ahad 21hb Jun 1981 jam 2.30 petang.

# RANCHANGAN TVP DARI 22HB. HINGGA 28HB. JUN

### ISNIN — 22HB JUN

**PAGI**

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK
(Menjelang Hari Raya)
Ranchangan kali ini mengenalkan kapada murid-murid Hari Raya dan persediaan2 yang biasa di-buat apabila Hari Raya menjelang, saperti membuat Kad Hari Raya, kueh mueh, baju dan lain2 lagi.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 5
(Binatang tidak bertulang belakang)
Apa-kah yang membolehkan badan binatang tidak bertulang belakang menjadi tegak ?
Bagaimana-kah ubor-ubor bergerak di-dalam ayer? Apa-kah yang menyukong badan ubor-ubor ?
Ranchangan ini akan memberikan jawapan2 yang di-atas.

10.30 KAP KAP UDANG 373.
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti PA' LONG, TUNJOK BENDA, MAIN KUDA, MAIN KIM, GAMBAR DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 373.

### SELASA — 23HB JUN

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK
(Menjelang Hari Raya)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5
(Binatang tidak bertulang belakang)

10.30 KAP KAP UDANG 374
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERLAKUN, MENGATOR GAMBAR, SI-MANIS, MAIN BAKUL, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 374.

### RABU — 24HB JUN

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK
(Menjelang Hari Raya)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 5
(Binatang tidak bertulang belakang)

10.30 KAP KAP UDANG 375.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, HALAMAN MENGAJAR, TUNJOK BENDA, GAMBAR DARI RUMAH, MENYANYI DENGAN GAYA dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 375.

### KHAMIS — 25HB JUN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 376.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti IKUT KETUA, HALAMAN MENGAJAR, KERJA TANGAN, SI-MANIS, HALAMAN BELAJAR, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.
Ruangan kerja tangan, Che'gu Rokiah akan membuat meja daripada kertas.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 376.

### JUMAAT — 26HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, KERJA TANGAN, SI-MANIS, RUANGAN BERLAKUN, MENGATOR GAMGAR dan CHERMIN SAKTI.
Untok ruangan kerja tangan, Che'gu Rokiah akan membuat laba-laba.

### SABTU — 27HB JUN

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 377.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, GAMBAR DAN SEBUTAN, HALAMAN MENGAJAR, TUNJOK BENDA, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 377.

### AHAD — 28HB JUN

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMIN, MAIN BOLA, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.
Hari ini AMIN akan pergi menangkap rama-rama.

**Perhatian :**

Ranchangan Look, Listen and Speak (Menjelang Hari Raya) dan Ranchangan Sains Untok Darjah 5 (Binatang Tidak Bertulang Belakang) ada-lah Siri Ranchangan yang terakhir bagi Penggal Kedua. Siri Ranchangan2 ini akan dapat di-saksikan semula pada awal Penggal Ketiga ia-itu 31hb Ogos, 1981.
Harap maalum.




# Bolasepak Sekolah2 Asia di-Jakarta:

## PASOKAN KITA AKAN MENERIMA TENTANGAN DARI PASOKAN LAWAN

BERAKAS. — Berjayakah pasokan bolasepak kita dalam penyertaan-nya di-perlawanan Sekolah2 Asia kali ini ada-lah satu soal yang maseh awal untok di-pastikan. Begitu pun pemain2 kita yang pergi bersama semangat mahu menang sekarang sudah pun berada di-Jakarta dan sedang bersiap sedia untok menchuba kehandalan mereka. Perlawanan tersebut akan bermula Sabtu depan, 20hb. Jun 81 di-Stadium Sanayan.

Rombongan pemain Brunei terdiri daripada 17 orang pemain dan di-Ketuai oleh Penolong Pengarah Pelajaran Brunei, Awg. Mohammad Dennis bin Haji Rosli. Bersama mereka ia-lah tiga orang pegawai dan dua orang penolong jurulateh.

Satu upachara sengkat penyerahan bendera Negeri Brunei oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei kapada ketua rombongan telah berlangsong di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini sa-jurus sa-belum rombongan itu bertolak pada hari Isnin lalu.

### MENUNGGU

Sekarang kita sama2 menunggu perkhabaran bagaimana galak-nya pemain2 yang kita harapkan itu. Dapatkah mereka menunjokkan kelinchahan semasa bertentangan dengan pasokan2 lawan yang sudah terbau handal-nya? Atau boleh-kah mereka setidak2-nya sa-rentak dan sa-irama atau terus mampu menundokkan sa-tiap yang bersemuka dengan mereka? Sama2-lah kita harapkan khabar yang membanggakan.

Perlawanan kali-ini ada-lah merupakan penyertaan Brunei buat kali yang kasembilan dan dalam perlawanan di-langsongkan di-Bangkok tahun lalu, pasokan Brunei telah berjaya mendudoki tempat ketiga bersama Singapura.

Bertolak dari kejayaan yang agak mengkagumkan itu, serba sedikit kita sudah dapat mengagak yang pasokan kita itu sudah dalam keadaan sedia untok menunjokkan tahap kemampuan yang boleh diadukan. Tentu-nya pasokan Brunei telah menjadi perhatian dan memaksa sa-tiap pasokan berwaspada untok menentang-nya.

### BERSEDIA

Ketika ini sudah tentu semua pasokan dan negeri2 yang menyertai perlawanan yang akan berlangsong dalam beberapa hari itu lagi sudah bersedia dengan persiapan masing2 demi untok kemenangan dan tentu-nya masing2 juga berkeyakinan yang mereka sudah mantap untok turun bermain.

Bagaimana pun pasokan kita tidak-lah begitu khuatir dengan keadaan tersebut. Dari potensi permainan yang telah di-tunjokkan-nya dalam perlawanan perchubaan dengan pasokan2 tempatan dan pasokan2 pilehan di-negeri jiran sa-belum pemergian mereka, kita rasa optimis, sunggoh pun kemenangan hanya merupakan satu kemungkinan, tapi yang pasti ia-lah Brunei akan tentu menyulitkan sa-tiap lawan-nya. Tentu pasokan2 lawan akan mengator permainan yang rapi menentang mereka.

Memandang kapada tekad yang begitu rupa tentu pasokan kita akan berusaha sa-gigih2-nya untok menumpaskan sa-tiap serangan apa-tah lagi hampir keselurohan mereka ada-lah merupakan bekas2 pemain Brunei ka-perlawanan sa-rupa dan Lion City di-Singapura dan Filip'na. Justeru kerana di-pandang berpengalaman mereka berasa terpaksa memboktikan kechekapan mereka.



# Tiga rekod baru di-chipta dalam sokan Sekolah2 Menengah Atas

KUALA BELAIT—Sokan sekolah2 menengah rendah seluroh negeri bagi tahun ini telah berhasil menchatetkan tiga rekod baru dari beberapa achara sokan yang di-pertandingkan.

Temasha kali ka-sembilan itu telah berlangsong di-Padang Maktab Anthony Abell Seria di-sini minggu lalu dan telah di-rasmikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran Brunei, Awang Haji Suni bin Haji Idris.

Rekod pertama yang di-chipta ia-lah dalam achara Lompat Kijang laki2 'C' oleh Awang Nawawi bin Fauzi yang membuat lompatan sa-jauh 11.75m berbanding dengan rekod lama 11.54m.

Dalam bahagian lompat Jauh Laki2 'C', rekod baru yang di-chipta ia-lah sa-jauh 5.12m yang mana telah di-chipta oleh Masing Umbol dari Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar, Temburong. Rekod lama hanya 5.7m.

Sementara itu satu lagi rekod baru yang di-chipta ia-lah dalam achara lari 100m laki2 'B' ia-itu .4 saat lebeh chepat dari rekod lama. Rekod baru itu ia-lah 12 saat dan telah di-chipta oleh Mohd. Zaini bin Apong dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan. Rekod lama ia-lah 12.4 saat.

### PIALA

Daripada 51 achara yang di-pertandingkan, sembilan daripada-nya ada-lah bagi merebut piala rebutan yang di-sumbangkan oleh Jabatan Pelajaran dan orang2 perseorangan.

Sekolah Persediaan Inggeris Sungai Hanching telah memenangi piala yang di-hadiahkan oleh Pejabat Pelajaran sa-telah menjadi johan dalam bahagian lari berganti-ganti 4x100m Laki2 'A'. Tahun lalu piala tersebut telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Muara.

Sa-buah lagi piala dari Jabatan Pelajaran untok bahagian lari berganti-ganti 4x100 Laki2 'B' telah berpindah kapada Sekolah Menengah Melayu SMJA. Tahun lalu piala tersebut telah di-menangi oleh Sekolah St Michael.

Dalam bahagian lari berganti-ganti 4x100m Laki2 'D' untok merebut piala dari Penyusun Pendidekan Jasmani, Awg Haji Md Husain bin Zainal di-menangi oleh Maktab Anthony Abell. Tahun lalu piala tersebut telah di-menangi oleh Sekolah Inggeris Berakas.

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar, Temburong pemegang piala bagi achara lari berganti-ganti 4x100m yang di-sumbangkan oleh Awang John Chang, Penyelia Sekolah2 Persediaan Inggeris Gadong tahun ini gagal mempertahankan kejuaraan-nya. Pada tahun ini achara tersebut telah di-menangi oleh Sekolah St Michael.

Tahun lalu, achara lari 100m bagi Laki2 'D' telah di-menangi oleh Sekolah Inggeris Berakas, tetapi pada tahun ini kejuaraan dalam bahagian tersebut telah di-menangi oleh Maktab Anthony Abell dan dengan itu berjaya merebut piala yang di-sumbangkan oleh Penolong Penyusun Pendidekan Jasmani, Awg Mohammad bin Ismail.

Sementara itu piala dalam bahagian lari 1,500m Laki2 'D' yang di-sumbangkan oleh Awang Basri Haji Lahid pada tahun ini telah di-rebut oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin. Tahun lalu ia-nya telah di-pegang oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah.

### ACHARA PEREMPUAN

Sekolah St Angela's Belait ada-lah satu2-nya sekolah yang berjaya mengekalkan kejuaraan bagi sa-lama dua tahun berturut2 dalam bahagian Lari 100m Perempuan 'B'. Dengan itu sekali lagi berjaya memegang piala yang di-sumbangkan oleh sa-orang lagi Penolong Penyusun Pendidekan Jasmani, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Damit.

Dalam achara lari berganti-ganti 4x100m perempuan 'B' telah di-menangi oleh Sekolah Angela's dan berjaya merebut piala yang di-hadiahkan oleh Awang A.L.M. Husain, Guru Sokan Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-sini. Tahun lalu pemenang dalam bahagian tersebut ia-lah Sekolah St Andrew's.

Sementara itu dalam satu lagi achara ia-itu 4x100m Perempuan 'A' bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Awang O.S. Roberts, Pengetua Sekolah Inggeris Perdana Wazir telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Mulaut. Tahun lalu bahagian tersebut telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Chong Ching.





SALAH satu achara di-sokan tersebut ia-lah melontar lembing. Kelihatan ia-lah melontar lembing bahagian lelaki (kiri) dan lumba lari 100m laki2 'D'.

# 2 Pegawai sertai perjumpaan Sokan Sekolah2 Asia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Jabatan Pelajaran Brunei akan bertolak ka-Jakarta Sabtu ini, 20hb. Jun 81 untok menghadhiri Perjumpaan Sokan Sekolah2 Asia di-sana yang akan berlangsong sa-lama dua hari bermula 22hb. Jun.

Pemergian mereka ada-lah atas perkenan Timbalan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa-adul Khairi Waddin.

Mereka ia-lah Pegawai Pelajaran Kanan, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman dan Penolong Penyusun Pendidekan Jasmani Awang Tuah bin Noordin (gambar bawah).

Semasa di-Jakarta kedua2 pegawai tersebut ada-lah juga sa-bagai pemerhati bagi rombongan bolasepak Brunei yang akan mengambil bahagian dalam perlawanan bolasepak Sekolah2 Asia.

Mereka di-jadualkan pulang ka-tanah ayer pada 25hb. Jun.



# Brunei-Muara pileh wakil untok perlawanan sa-Negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perlawanan chator Daerah Brunei-Muara bagi memileh wakil2 daerah tersebut ka-perlawanan chator gerak chepat sa-negeri telah berlangsong di-Pusat Belia baru2 ini.

Perlawanan tersebut telah di-selenggarakan oleh Persatuan Chator Kebangsaan Brunei dan telah di-sertai oleh lebeh daripada 60 orang pemain.

Melalui perlawanan tersebut tiga pemenang telah terpileh untok mewakili daerah tersebut ka-perlawanan sa-negeri sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang akan di-adakan pada bulan Septembar depan.

Mereka ia-lah Awang Mohammad bin Haji Wasli yang menjadi johan, Ak. Omar Baki, tempat kedua dan Awang Agabo, tempat ketiga.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pembaiki Barang2 Kain

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembaiki Barang2 Kain di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 45 tahun sekurang2-nya 2 tahun pengalaman dalam kerja2 membaiki bahan2 kain. Mereka mesti-lah memahami rajah2 serta lukisan2 kerja dan pandai menjahit kain kanbes (canvas) atau lain2 jenis kain dengan tangan atau dengan menggunakan misen.

**Tangga Gaji:**
F.2-3-4 EB.5—$390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1981.

(E/388/79 — Bil: 84/1981)

## Jawatan2 dalam Perkhidmatan K'jaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi beberapa jawatan2 kosong di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. a) JAWATAN: Pemandu Kereta Tingkat II di-Jabatan2 Kastam, Ukor, Laut, RTB dan Pelabohan.
   TANGGA JAGI: F.3-4 EB 5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.
   b) JAWATAN: Pemandu Kereta Tingkat II di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.
   TANGGA GAJI: F.2-3-4 EB 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.
   c) JAWATAN: Pemandu Kereta di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan (Bahagian Penerangan).
   TANGGA GAJI: E. 1 EB. 2 — $410-425-440-455/EB/470-485-500-515.
   d) JAWATAN: Pemandu di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Jabatan Penerbangan Awam dan Lembaga Bandaran Kuala Belait.
   TANGGA GAJI: F. 3-4 EB 5 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.
   e) JAWATAN: Pemandu di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.
   TANGGA GAJI: E. 2-3 EB. 4 — $470-485-500-515-530-545-560-575-590-605 / EB / 620-630-645-660-680-700.
   f) JAWATAN: Pemandu/Operator di-Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.
   TANGGA GAJI: D. 1 EB. 2 — $425-440-455-470-485-500/EB/515-535-555-580-605-630-655.
2. **Kelayakan2 dan Pengalaman:**
   a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun dan hendak-lah tahu menulis dan membacha dalam Bahasa Melayu.
   b) Mereka mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu Kelas 3 yang sah serta tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan2 memandu dan boleh membaiki kerosakan2 kechil.
   c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas II ada-lah merupakan satu kelebehan.
   d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan ada-lah merupakan satu kelebehan.
3. **Tugas2:**
   Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia untok bertugas bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa atau bekerja sa-chara bergilir2 (shift). Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bertugas di-mana2 sahaja di-dalam negeri.
4. Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.
5. Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang bagi tiap2 satu jawatan yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1981.

(E/69/78 — Bil: 88/1981)

## TENDER NOTICE

### ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED 10 ADDITIONAL CLASSROOMS FOR B.T.T.C., GADONG

REGISTERED Class 'B' and above Electrical Contractor are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Installation to Proposed 10 Additional Classrooms for BTTC, Gadong.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg. Seri Complex, Mile $1\frac{1}{4}$ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th June, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona-fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 30th June, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED 10 ADDITIONAL CLASSROOMS FOR B.T.T.C., GADONG.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### AIR CONDITIONING AND HOSEREEL PUMPS INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1 PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI,

REGISTERED Class 'B' and above Air-Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air Conditioning systems and Hosereel Pumps To Proposed Sergeants Mess 1, Penanjong Cantonment, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 & 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile $1\frac{1}{4}$ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 11th June, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shal be in the form of a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 14th July, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked: — TENDER FOR AIR CONDITIONING AND HOSEREEL PUMPS INSTALLATION TO PROPOSED SERGEANTS MESS 1, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### NEW POLICE TRAINING CENTRE AT JALAN KAMPONG TUNGKU, GADONG

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday, 7th July 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in a sealed envelope bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE NEW POLICE TRAINING CENTRE AT JALAN KAMPONG TUNGKU, GADONG."
4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan from 17th June 1981 during normal office hours. Tender documents will not be issued to any tenderers after 30th June 1981.
5. The Tender Deposit will be $10,000.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.
6. Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to: —
   (1) produce documentary evidence that he is a P.W.D. registered Class "A" contractor;
   (2) produce a letter from his bank (the said bank being a well known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepted, the said bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately $2,800,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.
7. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## NOTIS TAWARAN PEJABAT BANDARAN TUTONG

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa bagi menimbok Kawasan bekas Pembuangan Sampah Lama, Pekan Tutong.
2. Penentuan (Specification) mengenai menimbok Kawasan bekas pembuangan sampah lama, Pekan Tutong boleh-lah di-dapati dari Pejabat Bandaran, Tutong pada bila2 masa waktu pejabat di-buka.
3. Tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat yang tertutup dengan di-tulis "TAWARAN MENIMBOK KAWASAN BEKAS PEMBUANGAN SAMPAH LAMA PEKAN TUTONG" dan semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada: —

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a. Pejabat Kewangan.
Brunei.

tidak lewat dari hari Isnin 29hb Jun, 1981 jam 12.00 tengah hari.
4. Kerajaan tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

## KENYATAAN TAWARAN RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok menyediakan KOTAK BUNGKUSAN UNTOK VIDEO TAPE AND FILEM berukoran saperti berikut: —

| | | |
|---|---|---|
| a) | $12\frac{1}{2}''$ x $12\frac{1}{2}''$ x 6 | Kotak Bungkusan untok Video |
| b) | $15\frac{1}{4}''$ x $15\frac{1}{4}''$ x 6 | ,, ,, ,, ,, |
| c) | $15\frac{1}{4}''$ x $15\frac{1}{4}''$ x $1\frac{1}{2}''$ | Kotak Bungkusan untok Filem |
| d) | $15\frac{1}{4}''$ x $15\frac{1}{4}''$ x $2\frac{1}{2}''$ | ,, ,, ,, ,, |

sa-banyak 1,000 tiap2 satu jenis.
2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat dari 8hb Julai 1981 hari Rabu jam 4.00 petang dan jika tawaran lewat di-terima dari tarikh dan waktu yang di-nyatakan di-atas tidak akan di-layan.
3. Pemborong2 yang berjaya mengenai perkara ini akan menyelasaikan tugas dalam tempoh 6 bulan mulai dari tarikh ia memulakan pekerjaan-nya.
4. Kira-nya penerangan2 lanjut dan chontoh2 kotak ingin diperolehi, maka bahagian Ranchangan dan Persembahan yang berkenaan boleh-lah di-hubongi.
5. Pengawal Radio Talivishen tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang mahal atau sa-umpama-nya.

## DEPARTURE OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following machinery and equipment to the Department of Agriculture: —

ITEM I
6 units long wheel base station wagon of the following specifications: —
(a) Six cylinder petrol engine.
(b) Seating capacity — 10 persons.
(c) Four Wheel drive.
(d) Colour and lettering to be decided.
(e) Workshop and lettering and spare part book to be supplied.

ITEM 2
One unit flatbed truck of the following specifications: —
(a) Long wheel base.
(b) Dropside body to maximum length permitted.
(c) Six cylinder diesel engine.
(d) Payload 7-8 tons.
(e) Colour and lettering to be decided.
(f) Workshop manual and spare part book to be supplied.

ITEM 3
2 units pick-up of the following specifications: —
(a) Six cylinder petrol engine.
(b) Payload 1 ton.
(c) With canopy and seats to our specification.
(d) Long wheel base.
(e) Colour and lettering to be decided.
(f) Workshop manual and spare part book to be supplied.

ITEM 4
One unit truck fitted with HIAB 650 crane of the following specifications: —
(a) Dropside body to maximum length permitted.
(b) Payload 5-6 tons.
(c) Long Wheel base.
(d) Colour and lettering to be decided.
(e) Workshop manual and spare part book to be supplied.

ITEM 5
Two units sack loading elevators of the following specifications: —
(a) Adjustable height from 5ft to 15ft.
(b) Reverse system.
(c) Fitted with single phase electric motor.
(d) Fitted with transport wheels and a drawbar.

ITEM 6
One unit excavator loader of the following specifications: —
(a) 4 cylinder water cooled diesel engine 70HP approximately at 2400 r.p.m.
(b) Direct drive 9 forward 3 reverse with travel speed of at least 25 m.p.h. at top speed.
(c) Black Lettering "JABATAN PERTANIAN" on sides of machine 7 inches high.
(d) Steel or fibre glass canopy, anti-vandal security locks for engine cover, controls, instruments, fuel tank etc.
(e) Spare part book and operator's manual to be supplied.

ITEM 7
Two units 2-wheeled tipping trailer of the following specifications: —
(a) Load capacity 3-4 tons.
(b) Dropside steel body to maximum length permitted.
(c) Fitted with drawbar jack.
(d) Colour and lettering to be decided.

ITEM 8
One unit front-end loader specifically designed for Massey Ferguson 165 Tractor of the following specifications: —
(a) Quick fit lift arm attachment.
(b) Trip fork with optional dirt blade.
(c) Dozer blade.

ITEM 9
Two units pick up of the following specifications: —
(a) Payload 2-$2\frac{1}{2}$ tons.
(b) 4-cylinder petrol engine.
(c) Fitted with canopy to our specifications.
(d) Long wheel base and body.
(e) Colour and lettering to be decided.
(f) Workshop manual and spare part book to be supplied.

ITEM 10
One unit rough terrain forklift of the following specifications: —
(a) Three cylinder water cooled diesel engines 46.5HP DIN at 2200 r.p.m.
(b) Four speed gearbox with high and low range giving 8 speeds with fully enclosed oil bath lubrication. Reverse gear between gearbox and drive axle, giving 8 forward and 8 reverse speeds.
(c) Hydrostatic power steering, giving fingertip control for precise and rapid manoeuvrability.
(d) Tyres: —
Front driving wheels 13.6 × 24 — 10 P.R. Air inflated — Pressure 2.5B.
Rear steering wheels 7.50 × 16 Rib — 8 P.R. Water ballasted — Pressure 4.5B.
(g) Workshop manual and spare part book to be supplied.

ITEM II
One unit industrial vacuum cleaner. Specifications to be stated.

ITEM 12
One unit jeep of the following specifications: —
(a) Colour and lettering to be decided.
(b) Four wheel drive.
(c) Soft canvas top.
(d) 4-cylinder water cooled petrol engine.
(e) Workshop manual and spare part book to be supplied.

2. Further informations on specifications for each of the above item including details of standard lists of spares to be supplied with machines, paint work finishes required, etc. may be obtained from the Agricultural Officer (Farm Machinery), Department of Agriculture Workshop, Kilanas, Mile $9\frac{1}{2}$ Jalan Tutong (Telephone No. 85-352/353/354).
3. All items are to be delivered c.i.f. to the Department of Agriculture Workshop, Kilanas after predelivery service for inspection and acceptances tests by the Agricultural Officer (Farm Machinery).
4. Tenders should be summitted under plain sealed cover marked "Dept. of Agriculture Machinery and Equipment — Confidential" to the Chairman Tenders Board, Brunei not later than 12.00 noon, Thursday 11th June 1981.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited for a 6 months contract for the maintenance of Motorola Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison. Detailed contract conditions can be obtained from DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, anytime during working hours.
2. Tenders to be submitted to the Chairman, Tenders Board, State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei, by 23th June 1981.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Ketua Pembantu Teknik di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebeh daripada lapangan2 yang berikut:—

Kejuruteraan Awam Kerja2 Bangunan, Ukor Bahan, Kerja2 Parit, Konkerit Pailing dan Pembenaan.

ATAU

Pegawai2 yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan tersebut di-atas tetapi telah memegang jawatan Pembantu Teknik Kanan tidak kurang 6 tahun dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan tugas2 mereka dalam lapangan2 yang di-huraikan di-(b) di-atas akan juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — $1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Julai, 1981.

(E/548/77 — Bil : 83/1981)

## Sa-bagai Merinyu Kesihatan Perubatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 berumor antara 18 hingga 30 tahun, mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. (Perengkat Biasa), atau yang sebanding dengan-nya, termasok lulus dalam Bahasa Inggeris DAN sama ada satu mata-pelajaran2 lain menchukopi dalam pepereksaan G.C.E. yang boleh di-terima untok latehan lanjutan.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175 Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang di-pileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama tiga tahun dan dalam tempoh ini mereka mesti-lah memperolehi Sijil dari Royal Society of Health. Mereka akan di-hantar ka-Singapura dengan perbelanjaan Kerajaan untok menjalani latehan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1981.

(E/308/60/3—Bil: 85/1981)

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICES

### TENDER No. 31/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday 23rd June, 1981 for the following:—

RE-TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW STORE BUILDING AT MUARA PORT, MUARA.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"RE-TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW STORE BUILDING AT MUARA PORT, MUARA."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 32/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', 'B' and 'C' up to 12.00 noon on Tuesday, 23rd June, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXAMINER'S OFFICE AT LAND TRANSPORT DEPARTMENT, JALAN GADONG (PHASE 4)

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked :—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXTENSION TO EXAMINER'S OFFICE AT LAND TRANSPORT DEPARTMENT, JALAN GADONG (PHASE 4)."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICE

### No. 62 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" Hauling contractor only and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Boards, Brunei up to 12.00 noon on 23rd June, 1981 for :—

THE SUPPLY AND DELIVERY OF EARTH-FILL TO EXISTING JALAN SEMBATANG SANTOL, OFF MILE 23 JALAN TUTONG, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 63 OF 1981

FRESH Tenders will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th June, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF VARIOUS STRUCTURES AT PROPOSED CAR PARK AND PADANG BETWEEN JALAN STONEY AND JALAN PEMANCHA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

1. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT I:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis.

c) Mempunyai pengalaman sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II sekurang2-nya sa-lama 3 tahun dan mempunyai kebolehan untok memperbaiki kerosakan kechil serta mempunyai pengalaman dalam penyelenggaraan enjin2 Motor Sangkut.

**Tangga Gaji :**

F. 3-4-5 EB. 6 — $430-440-450-460-470-490-500-510-520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

2. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Hendak-lah tahu membacha dan menulis.

c) Mempunyai pengalaman memandu motor sangkut dan mempunyai kebolehan untok memperbaiki kerosakan kechil serta mempunyai pengalaman dalam penyelenggaraan enjin2 motor sangkut.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4 EB. 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470 - 490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1981.

(E/198/76 — Bil : 86/1981)

## Sa-bagai Atendan Pejabat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Atendan Pejabat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.

b) Chalon2 hendak-lah sekurang2-nya lulus Tingkatan II dan mempunyai Pengetahuan Ugama.

c) Hendak-lah tahu membacha dan menulis Jawi.

d) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai pengalaman dan kerja2 perkeranian boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tugas2 :**

Sa-bagai pembantu kapada kerani untok menjalankan tugas2 yang biasa di-buat oleh sa-orang kerani saperti menaip surat2 kerja2 failing dan lain2 tugas pejabat yang berpatutan saperti yang di-arahkan dari sa-masa ka-semasa.

**Tangga Gaji :**

F.1-2-3-4-5 EB.6—$350-360-370-380-390-400-410-420-430 - 440-450-460-470-490-500-510 - 520-530-540-560/EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 25hb Jun, 1981.

(E/226/81 — Bil : 87/1981)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of the ... Extinguishers to the Royal Brunei Malay Regiment, ... Garrison.

a. BCF Fire Extinguisher 6lb 100
b. BCF Fire Extinguisher 12lb 100
c. Hose rubber-lined 1½" x 75' C/W light alloy couplings 50
d. Hose rubber-lined 2½" x 75' C/W light alloy coupling 50
e. Hydrant stand-pipe (light alloy) 9
f. Hydrant turn-key (light alloy) 9
g. Fire Extinguisher hydraulic pressure test kit 4
h. Diffuser nozzel (light alloy) 7
i. Dry powder Fire Extinguisher 25lb 10
j. Hydrant water flow gauge 1
l. 4" suction hose washer 50
k. 2½" Fire Hose washer 200
m. One-piece close proximity aluminised asbestos fire fighting suit
Size Samal 3
Size Medium 10
Size Large 5
n. Glass fibre polyester resin helmet complete with aluminised asbestos shirt to match above suit 18
o. Aluminised asbestos gauntlets to match above 18
p. Crash fire fighting protective boots in chrome leather dyed blue (RAF pattern) Size 5 2
Size 6 6
Size 7 8
Size 8 2

3. The tender should state price and delivery ...
4. Tenders will be received by the Chairman, Te... Board at the office of the State Financial Officer, G... Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, B... from specialist contractor up to 4.00 p.m. Saturday 20th ... 1981.
5. Tenders must be submitted in a sealed envelope ... ing no indication of the name of the tenderers and sha... marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY OF FI... EXTINGUISHERS TO ROYAL BRUNEI MALAY RE... MENT."
6. The successful tenderers is reminded that the item ... dered is subject for Custom Duty.
7. The Government of Brunei does not bind itself to ... the lowest of any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders B... Brunei at the office of the State Financial Officer, G... Floor Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brun... to 4.00 p.m. on Monday 22nd June 1981 for the supply of ... following items :

a) MOTOR CYCLES
1. 11 units with approved helmets in Post Office ...
2. Type 100 cc, petrol, with proof of spare ... available in Brunei.
3. Painted in Post Office red.
4. To be fitted with 2 plastic bags for mail on ... sides of M/Cycle.

b) VAN
1. 2 units to be used as Mobile Post Office.
2. 4 cylinders petrol engine, powered around 160... with proof of spare parts available in Brun...
3. To be fitted with a 5lb BCF fire extinguish...
4. Painted in Post Office red, with letterings in ... on both sides reading "Jabatan Perkhidmatan ... Brunei" in both Rumi and Jawi with position... be determined by the post office.
5. One flap-opening measuring 4 feet x 2 feet and ... aperture with posting box on left hand side of ... sized vehicles for the sale of stamps and the acc... ance of letters.
6. One built-in counter with drawers and one ... stool, on left hand side of vehicles.
7. One electric fan and one self-levelling co... weighing scale to be provided.
8. One metal rack for parcels and packets se... fixed on right hand side of vehicles.
9. One current-operated music box with specific ... (to be provided by post office) to signify the arr... of mobile post office.

c) TRUCK
1. 1 unit truck with aluminium lockable container ... parcel and mail conveyance.
2. 4 cylinders petrol engine.
3. To be fitted with a 5lb BCF fire extinguisher.
4. Painted in Post Office red complete with letter... in white on both sides reading "Jabatan Perkh... matan Pos, Brunei" in both Rumi and Jawi w... positions to be determined by the post office.
5. Maxiumum load : approximately 3 ton.

d) OUTBOARD
1. 3 units 40 HP
2. 1 unit 85 HP
3. 1 unit 25 HP.

2. Tenders must be submitted in plain sealed enve... bearing no indication of the name and adddess of the tende... and should be clearly marked "Tender for Motor Cycles ... Vans or Truck or Outboard Engines."
3. The date of the delivery of these items should be cle... indicated.
4. Tenders received after the time and date specified ... will not be considered.
5. The Government does not bind itself to accept ... lowset or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Ketua Jururawat Pengajar

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Ketua Jururawat Pengajar di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah mempunyai kelayakan S.R.N. dan S.C.M. dari United Kingdom atau kelayakan yang sebanding dan mesti-lah juga mempunyai Diploma Pengajar Ketua Jururawat.

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya beberapa tahun pengalaman mengajar di-Sekolah Latehan Jururawat.

Berumor di-bawah 40 tahun.

**Tugas2 :**

Chalon2 akan membantu Ketua2 Ketua Pengajar Jururawat untok mengajar penuntut2 dan Jururawat2 Pelateh serta pembantu2 Hospital di-Sekolah Latehan Jururawat.

**Tangga Gaji :**

M .11 — B$1670-1754-1820-1895-1975 - 2055 - 2140 - 2225-2310-2395 . EB / 2480 - 2565 - 2650-2735-2820. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Jun, 1981.

(E/87/56 — Bil : 80/1981)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB. 9/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 7hb Julai, 1981 bagi:—

MENGADAKAN PERABOT SELANGAN BATU KELAS II DAN III UNTOK FLAT DAN BARRACK BARU KUALA BELAIT/SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 9/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 7th July, 1981 for :—

THE SUPPLY OF CLASS II AND III SELANGAN BATU FURNITURE FOR NEW FLAT AND BARRACK KUALA BELAIT/SERIA.

Tender docuemnts and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 10/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 30hb Jun, 1981 bagi :—

RE-CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE DRAINS ALONG JALAN BUNGA KEMANTIN, SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 10/1981**

TENDERS will be received from Class C only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th June, 1981 for :—

RE-CONSTRUCTION OF REINFORCED CONCRETE DRAINS ALONG JALAN BUNGA KEMANTIN, SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 11/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sa-hingga jam 12.00 tengah hari pada 30hb Jun, 1981 bagi:—

MEMPERBAIKI DAN MENCHAT SEMUA FLAT KERAJAAN DI-KUALA BELAIT DAN SERIA.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB. 11/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th June, 1981 for :—

REPAIR AND RE-PAINTING TO ALL GOVERNMENT FLATS AT KUALA BELAIT AND SERIA.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1. TENDER No. SSU/128/81
   CATEGORY 19
   Provision of Carpentry Service
2. TENDER No. EPS/129/81
   CATEGORY 5
   Site clearing at Block G24, Seria.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## Di-Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1 PENGURUS MESS
(Mess Pegawai,
Berakas Kem)

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Chalon2 mesti-lah berumor 30 tahun ka-atas.
b) Mesti mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge (atau sebanding dengannya) dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan lulus Tingkatan II Melayu.
c) Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-bagai Pengurus Mess.
d) Pengetahuan mengenai dengan Peratoran2 Kira2 Pasokan tentera ada-lah satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

C.3 EB.4—$1735-1795-1855-1915-1980 / E B / 2035 - 2095-2155-2280.

2 PENGURUS MESS
(Mess Pegawai,
Lain2 Kem)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berumor 25 tahun ka-atas.
b) Mesti mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge atau sebanding dengannya, dan lulus Tingkatan II Melayu.
c) Mesti mempunyai pengalaman dalam urusan mess.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 4hb Julai, 1981.

(E/651/75 — Bil : 69/1981)

## Di-Bahagian Penerangan Pejabat Setia Usaha K'jaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 bagi jawatan ini hendak-lah mempunyai Higher National Diploma (HND) dalam jurusan Mass Communication atau mempunyai Diploma in Tourism.
b) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-atas tetapi berkhidmat sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dalam jawatan Pegawai Luar Kanan (Penerangan); atau jawatan Pegawai Ranchangan Tingkatan I (Radio); atau jawatan Pembantu Kanan Perkembangan Ugama; boleh di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**

C. 2-3 EB. 4 — $1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545 - 1615-1735 - 1795 - 1855 - 1915 - 1980 / EB / 2035 - 2095- 2155-2215-2280.

2. PEGAWAI LUAR KANAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 yang berumor tidak kurang dari 18 tahun serta mempunyai Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang mempunyai kelulusan yang rendah tetapi mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam tugas2 Pegawai Luar sa-lama lebeh dari lima tahun ada-lah juga di-pertimbangkan.

**'Am :**

Bersedia untok bertugas di-daerah2 dan kampong2 pendalaman.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155-1215-1260 - 1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495 - 1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735 - 1795 - 1855 - 1915-1980.

3. PEMANDU MOTOR SANGKUT:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor antara 25 hingga 40 tahun.
b) Boleh membaiki kerosakan kechil.
c) Berpengalaman sekurang2-nya dua tahun memandu ulang-alek ka-Temburong.

**Tugas2 :**

Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu di-samping memelihara motor sangkut Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa pekerjaan biasa.

**Tangga Gaji :**

F. 2-3-4-5 EB.6 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470 - 490-500-510-520-530-540-650/ EB/570-580-590-600-610-620.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Jun, 1981.

(E/681/78 — Bil : 78/1981)

## NOTIS TAWARAN

1. Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat jam 12.00 tengah-hari Sabtu 27hb. Jun 1981.

2. Tawaran2 yang di-terima sa-lepas waktu dan tarikh yang tersebut tidak akan di-layan.

3. Tawaran yang di-maksudkan ia-lah untok Pembekalan Alat2 Pemeliharaan Kenderaan termasok-lah Automatic hose reels, Suction pumps dan Optical Wheel alignment set.

4. Tarikh pembekalan peralatan tersebut hendak-lah juga di-nyatakan dalam membuat tawaran.

5. Tawaran2 hendak-lah di-masukkan daalm sampul surat biasa yanb tertutup dan bertulis dengan perkataan:—

"TAWARAN BAGI PEMBEKALAN ALAT2 PEMELIHARAAN KENDERAAN JABATAN TALIKOM BRUNEI

tanpa membuboh nama pengirim.

6. Keterangan lanjut boleh-lah di-perolehi daripada Pejabat Pengarah Talikom, Tingkat 1, Telecoms House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei dengan membayar wang chagaran sa-banyak $100.00.

7. Kerajaan Brunei tidak akan terikat untok menerima sa-barang tawaran atau tawaran yang paling rendah.

## TENDER NOTICE

1. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon Saturday 27th June 1981.

2. Tenders received after the stipulated date and time will be rejected.

3. Tenders are for the supply of Vehicle Servicing Equipment which include Automatic hose reels, Suction pumps and Optical wheel alignment set.

4. Approximate date of delivery must be stated.

5. Tenders should be submitted in a plain envelope marked:

"TENDERS FOR SUPPLY OF VEHICLE SERVICING EQUIPMENT TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT BRUNEI"

bearing no indication of the name of hte tenderer.

6. Further details may be obtained from the office of the Director of Telecommunications, First Floor, Telecoms House, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $100.00.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED OFFICERS MESS, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG, B.S.B.

REGISTERED Electrical Class A Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Installation to Proposed Officers Mess, Penanjong Cantonment, Tutong, B.S.B.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, Nos. 4 and 5, 1st Floor, Block-E Bolkiah Bldg., Seri Complex, Mile 1¼ Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 18th June, 1981 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form a Banker's Draft in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form together with the Bills of Quantities and must reach the office of the Chairman, Tenders Board Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 21st July, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED OFFICERS MESS, PENANJONG CANTONMENT, TUTONG, B.S.B.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER KANTIN PUSAT BELIA/ KOLAM BERENANG BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa untok menyewa bagi penguruan sa-buah kantin di-Bangunan Pusat Belia, dan Kolam Berenang Bandar Seri Begawan, Brunei dengan sharat2 berikut:—

1. Tawaran ini ada-lah untok tempoh 2 tahun mulai 1hb Ogos 1981 hingga 31hb Julai 1983. Pemohon2 di-kehendaki menyatakan tawaran sewa-nya bagi satu bulan dengan menulis angka dan di-ikuti dengan perkataan.
.2 Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu membayar sewa pendahuluan sa-lama 3 bulan dan berikut-nya tiap2 bulan.
3. Pemborong2 yang berjaya sama sekali tidak di-benarkan menyewakan semula kapada orang lain dan jika di-dapati berbuat demikian kebenaran-nya di-batalkan.
4. Pemborong2 ada-lah bertanggong-jawab di-atas kebersehan dan keselamatan kawasan dan alat2 perkakas kantin ini.
5. Kantin ini di-buka dari jam 7.30 pagi hingga 10.30 malam bagi kantin Pusat Belia, dan hingga 9.30 malam bagi kantin Kolam Berenang.
6. Barang2 minuman dan makanan yang di-jual hendak-lah halal di-sisi Ugama Islam.
7. Pemborong2 yang berjaya hendak-lah menyediakan bilangan pelayan2 yang chukop dan mereka ini hendak-lah berpakaian kemas, dan hendak-lah sentiasa bersopan santun dan hormat kapada pelanggan.
8. Pemborong2 yang tidak mengikuti sharat2 ini akan di-ambil tindakan tegas oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan.
9. Pemborong2 hendak-lah terlebeh dahulu membayar wang chagaran (deposit) sa-banyak $50.00 (lima puloh ringgit sahaja) tiap2 sa-buah kantin, ka-Pejabat Perbendaharaan dan wang chagaran (deposit) ini akan di-kembalikan kapada semua penawar2 yang tidak berjaya dengan sharat mereka2 ini mengembalikan resit asal-nya ka-Pejabat Perbendaharaan.
10. Segala tawaran hendak-lah di-alamatkan di-luar sampul surat kapada :—
    (a) TENDER KANTIN PUSAT BELIA.
    (b) TENDER KANTIN KOLAM BERENANG.
    Dan jangan menaroh nama pengirim, sampul itu mesti-lah di-seal dan di-masokan ka-peti Tender yang di-sediakan di-Pejabat Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 20hb Jun, 1981.
11. Kerajaan Brunei tidak terikat untok menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.

# TAULADAN YANG BAIK MENJAMIN JENERASI MASA DEPAN

GADONG. — Pengawal Kastam dan Eksais, Yang Amat Mulia, Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyeru ibu-bapa dan guru supaya menunjokkan tauladan yang baik untok di-ikuti oleh anak2 dan murid2 mereka demi untok membentok akhlak yang sempurna.

Pengajaran, walau macham mana baik dan sempurna sekali pun tidak akan berkesan atau berfaedah jika guru2 atau ibu-bapa tidak menyertai-nya dengan chontoh2 yang baik.

Yang Amat Mulia bersabda demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Hari Pelajar Bagi Sekolah2 dan Maktab2 seluroh negeri 1981 yang telah berlangsong di-Dewan Pusat Tingkatan Enam di-sini Ahad lalu.

PERIBADI PENUNTUT

Yang Amat Mulia seterus-nya bersabda: "Sesuai dengan thema Hari Pelajar tahun ini yang berbunyi 'Mutu Pendidekan Sekarang Membentok Masharakat Akan Datang' sudah sa-wajar-nya-lah kita menitik-beratkan soal pembawaan dan peribadi penuntut yang akan mengambil-aleh teraju pemimpin untok negeri kita masa depan." Menurut Yang Amat Mulia, hanya dengan pendidekan yang lengkap dan sempurna sahaja segala yang di-harapkan akan terlaksana.

Dalam zaman sains dan teknoloji ini, tambah Yang Amat Mulia, ilmu pengetahuan dan pendidekan yang tinggi ada-lah memang perlu selaras dengan kehendak2 kemajuan dan pembangunan negara. Jika kita mahu diri dan bangsa kita hidup sa-banding dengan bangsa lain di-dunia ini maka kita perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi.

Oleh: Ak. Hidup

KEMUDAHAN

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sekarang sedang memberikan kemudahan pelajaran yang sechukopnya dari perengkat rendah hingga-lah ka-perengkat tinggi dan segala-nya terpulang-lah kapada kita untok menggunakan faedah tersebut.

Dari itu untok melaksanakan hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, kita patut-lah berusaha meninggikan pelajaran tanpa mengabai2kan dan melepaskan peluang yang telah di-sediakan itu, jelas Yang Amat Mulia.

Majlis pada hari tersebut telah di-mulakan dengan persembahan choir 'Lagu Hari Pelajar' yang di-persembahkan oleh penuntut2 Sekolah Inggeris Berakas yang di-iringi oleh pasokan pancharagam mereka sendiri.

Lain2 persembahan2 pentas yang berupa nyanyian nashid, tarian dan taridra oleh penuntut2 sekolah dan maktab2 juga di-persembahkan.

Sa-belum bersurai Yang Amat Mulia bersama2 dengan lain2 jemputan telah juga menyaksikan pameran yang berchorak kerjaya dan kegiatan penuntut Pusat Tingkatan Enam.



Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pg Anak Haji Abd Aziz.

## Kursus pimpinan suai-kenal

GADONG. — Satu kursus pimpinan dan suai-kenal sa-lama tiga hari bagi 20 orang buta telah di-adakan pada hari Ahad lepas, di-Ibu Pejabat Pengakap di-sini.

Kursus tersebut di-anjorkan oleh sa-kumpolan ahli2 pengakap Maktab SOAS, sempena Tahun Antarabangsa bagi orang2 chachat.

Upachara penutop rasmi kursus itu telah di-lakukan oleh Pegawai Pentadbir Kanan di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Awang Ahmad bin Dato Matnor.

## Tenaga belia-beliawanis perlu bagi sa-tiap pembangunan negara

Oleh: Jahri Latif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar berkata di-zaman sains dan teknoloji ini tenaga para belia dan beliawanis sangat2 berharga bagi satu2 pembangunan, baik dari segi pembangunan rohani mahu pun jasmani.

Kerana fungsi mereka itu kata-nya, bukan sahaja sa-bagai tulang-belakang bagi sa-sebuah negara malah yang lebeh penting ia-lah peranan mereka sa-bagai belia dan beliawanis Islam yang akan menjadi chontoh, tuntunan serta ikutan jenerasi akan datang.

Oleh itu, mereka telah di-ingatkan supaya melengkap dan menyempurnakan diri mereka dengan keperibadian yang tinggi lagi bermaruah.

"Nilai atau harga diri sa-seorang belia itu bukan-lah terletak pada ketampanan-nya, potongan badan yang lawa dan menarek akan tetapi ia-nya di-ukor pada ketinggian hemah-nya, kelembutan budi pekerti, tingkah laku di-samping tahu menjaga maruah-nya," jelas Dato Paduka Haji Abdullah sa-masa merasmikan sambutan Isra dan Me'raj anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei yang di-adakan pada hari Jumaat lepas di-Pusat Belia.

BERMARUAH

Walau bagaimana pun menurut beliau, belia Islam di-negeri ini maseh boleh di-pertahankan dan di-banggakan sa-bagai golongan yang bermaruah dan bermoral, jika di-bandingkan dengan belia2 di-luar negeri.

"Tetapi kita jangan pula tinggal diam dengan kebanggaan kita itu, kerana dunia sifat-nya bergolak dan berubah, maka tidak mustahil mereka juga akan mengikut perubahan dunia itu," tambah Pegawai Daerah itu.

Oleh kerana itu, memang-lah wajar supaya kita sama2 nasehat-menasehati dan ingat-mengingati antara satu sama lain serta memimpin dan menunjok ajar mereka itu kapada chara hidup kita orang2 Brunei. Kerana terang-nya, kehidupan kita orang2 Brunei lebeh banyak mirip dan berchorak chara hidup Islam.

CHORAK HIDUP

"Dengan chara pimpinan yang baik itu belia2 kita tidak akan terpengaroh dengan chorak hidup orang2 luar, yang tidak mencherminkan chara hidup kita ia-itu chara hidup keIslaman," beliau mengingatkan lagi.

Majlis pada pagi itu telah di-isi dengan satu foram yang bertajok "Nikah Cherai Belia" di-mana empat orang penal telah membinchangkan perkara tersebut. Mereka terdiri daripada Awang Haji Salim bin Haji Besar, Kadhi Daerah Brunei dan Muara; Dayang Hajjah Zalina binte Haji Omar, Pembantu Pegawai Perkembangan Ugama; Awang Metussin bin Omar, Pemangku Timbalan Muzium2 Brunei dan Haji Adam bin Haji Ahmad, Pegawai Ugama selaku Pengerusi Foram.

# Semangat dan dedikasi perlu utk tingkatkan mutu pelajaran

Oleh: Ak. Hidup

GADONG. — Taraf penchapaian akademik yang kurang dari 50 peratus dalam tiap2 pepereksaan awam telah menjadi persoalan yang amat besar dan para guru, ibu-bapa dan penuntut di-gesa supaya mengambil langkah yang wajar untok mengatasi-nya.

Guru2 khas-nya pendidek2 tempatan patut-lah memandang masaalah tersebut sa-bagai satu chabaran terhadap profeshen mereka dan hendak-lah mulai dari sekarang bergiat dengan semangat mahu meninggikan pelajaran di-negeri ini.

PENDAPAT WARAS

Penuntut2 pula mesti-lah berusaha untok memberikan pendapat dengan waras, belajar menganalisa dan menyelesaikan masaalah2 dengan chara sendiri dan rational dengan akhlak, pendirian tetap dan disiplin yang kuat dan tidak mudah di-pengarohi oleh anasir2 yang hanya membawa kemundoran.

Demikian telah di-sarankan oleh Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat semasa memberikan uchapan alu2an di-Majlis Pembukaan Rasmi Hari Pelajar 1981 di-Dewan Pusat Tingkatan Enam di-sini Ahad lalu.

Menurut Dato Haji Ahmad, masaalah2 dalam hal2 pendidekan tidak akan hapus sama sekali dan kerjasama yang berterusan antara kita ada-lah perlu untok menyelesaikan apa jua kerumitan yang timbul dengan penoh dedikasi.



Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.

Untok menchapai matalamat yang di-hajati, guru-guru hendak-lah menganggap tugas yang dipikulkan kapada mereka sa-bagai satu kesempatan untok menunjokkan keupayaan mereka. Di-samping itu mereka hendak-lah mengujudkan hubongan mesra dan kerjasama yang erat dengan para ibu-bapa.

PETUNJOK

Beliau seterus-nya berkata guru2 patut-lah memupok pengajaran dan petunjok yang boleh membantu dan membimbing penuntut untok menjadi warganegara yang taat setia dan berguna kapada negara serta menghormati orang yang lebeh tua dari mereka dengan mempamerkan tabiat dan kelakuan yang di-hormati.

Hari Pelajar ada-lah bermaksud untok para penuntut, ibu-bapa dan guru2 bertemu, berjumpa dan berunding untok menyatukan tujuan yang sudah ada kapada yang lebeh baik dan sempurna.

KERJASAMA ERAT

Dari itu Dato Seri Laila Jasa berharap agar pertalian yang rapat, kerjasama yang erat itu jangan-lah hendak-nya di-tujukan sekali sa-tahun sahaja ia-itu di-Hari Pelajar, tetapi hendak-lah di-lakukan pada bila2 masa.

Dalam pada itu Pengarah Pelajaran juga mengingatkan para ibu-bapa agar tidak menyerahkan sepenoh-nya segala tanggong-jawab kapada guru2. Mereka hendak-lah membantu menambahkan pengajian penuntut2 di-rumah dengan memberikan galakan, nasehat dan tunjok-ajar demi untok terus memupok minat satiap penuntut terhadap pelajaran.

## Lawatan muhibbah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan 28 orang ahli2 Persatuan Keluarga Pulis Sabah telah tiba di-sini Ahad lepas bagi rangka lawatan muhibbah sa-lama tiga hari.

Rombongan yang di-ketuai oleh isteri Pesurohjaya Pulis Sabah, Datin Halijah itu telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarek dan bersejarah di-negeri ini.

Dalam pada itu, mereka juga mengadakan beberapa perlawanan sokan persahabatan dengan pehak tuan rumah.

## Upachara perbarisan

Dari muka 1

lia Paduka Seri Baginda Quen Elizabeth oleh pasokan2 yang mengambil bahagian.

Turut menyerikan upachara tersebut ia-lah gabongan tiga buah pasokan pancharagam yang terdiri dari pasokan2 Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Pancharagam The Brigade of Gurkhas (2nd KEO Gurkha Riffles) dan Pancharagam Pulis Diraja Brunei.

Berangkat ka-upachara perbarisan itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Juga turut hadhir ka-upachara itu ia-lah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibol Rae Wal Mashuarah Pengiran Muda Haji Mohammad Alam, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, ketua2 jabatan, pegawai2 kanan kerajaan, penghulu2, ketua2 kampong serta jemputan2 khas yang lain.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.